



Siri Ebook Politeknik

# PENGAJIAN ISLAM



**Norhafizah binti Mohd Ghazali**  
**Solhal Huda binti Sahidan**  
**Roshadah binti Abu Bakar**

The background image shows the interior of a mosque, likely the Masjid An-Nabawi in Medina. The ceiling is a vast, intricate dome with a complex geometric pattern of lines and shapes, creating a star-like effect. The floor is made of light-colored stone tiles with a repeating geometric pattern. In the center, there is a large, semi-transparent rectangular area with a thin orange border. Inside this area, the title 'PENGAJIAN ISLAM' is written in large, bold, black capital letters. The overall atmosphere is bright and spacious.

# **PENGAJIAN ISLAM**

**Norhafizah binti Mohd Ghazali  
Solhal Huda binti Sahidan  
Roshadah binti Abu Bakar**

**Penasihat**

Mohd Fadhil bin Aziz

**Penulis**

Norhafizah binti Mohd Ghazali

Solhal Huda binti Sahidan

Roshadah binti Abu Bakar

**Editor dan Semakan Bahasa**

Norhafizah binti Mohd Ghazali

**Konsep dan rekabentuk**

Norhafizah binti Mohd Ghazali

Solhal Huda binti Sahidan

Roshadah binti Abu Bakar

Terbitan 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis

No. Tel : 04-988 6200

No. Fax : 04-988 6300

[ptss.mypolycc.edu.my](http://ptss.mypolycc.edu.my)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7966-00-7



# Prakata

Pengajian Islam adalah kursus yang mengupas tentang topik-topik Islam sebagai al-Din, Islam dan asas syariah, institusi Islam serta Islam dan cabaran semasa.

Ebook ini dilengkapi dengan elemen infografik yang dapat memudahkan pemahaman pelajar terhadap setiap perkara yang dibincangkan. Setiap isi diolah secara ringkas dan padat agar pelajar dapat menguasai setiap topik dengan lebih baik.

Diharapkan penghasilan ebook ini dapat membantu meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap konsep Islam serta dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.



# Isi Kandungan

## 1.0 ISLAM SEBAGAI AL-DIN

<b>Ringkasan topik 1.0: Islam sebagai al-Din</b>	1
<b>Ringkasan topik 1.1: Pengertian Islam, iman dan ihsan</b>	2
Pengertian tasawur Islam	3
Keperluan dan faedah memahami konsep tasawur Islam	4
Ciri-ciri kesempurnaan Islam	5
Pengertian iman dan pembahagiannya	6
Kaedah menjaga dan mempertingkatkan iman	7
Pengertian ihsan dan permasalahannya	8
<b>Ringkasan topik 1.2: Rukun Islam</b>	9
Konsep syahadah	10-13
Ibadah solat	14-18
Ibadah puasa	19-22
Ibadah zakat	23-24
Ibadah haji	25-28
<b>Ringkasan topik 1.3: Rukun iman</b>	29
Konsep beriman kepada Allah SWT	30
Keperluan beriman kepada rasul	31-32
Keperluan beriman dengan kitab-kitab	33-34
Keperluan beriman kepada malaikat	35
Keperluan beriman kepada hari akhirat	36-37
Keperluan beriman kepada qada' dan qadar	38
<b>Ringkasan topik 1.4: Ihsan</b>	39
Konsep ihsan	40
Konsep akhlak	41
Konsep dosa dan pahala	42
Taubat	43

## **2.0 ISLAM DAN ASAS SYARIAH**

### **Ringkasan topik 2.1: Ilmu Islam**

Pengertian ilmu	44
Pembahagian ilmu	45
Sumber-sumber ilmu menurut Islam	46
Matlamat menuntut ilmu	47
Kelebihan orang yang berilmu	48

### **Ringkasan topik 2.2: Aplikasi Asas Syariah - Ibadah & Muamalat**

Ibadah	51-52
Definisi muamalat	53
Syarat-syarat sah muamalat	54
Perbezaan muamalat Islam dan konvensional	55
Konsep syariah dalam perbankan Islam	56

### **Ringkasan topik 2.2: Aplikasi Asas Syariah - Munakahat & Jenayah**

Pengertian nikah dan rukun nikah	57
Hukum nikah	58
Mas kahwin	59
Dasar pemilihan jodoh	60
Perempuan yang haram dikahwini	61-62
Peminangan	63-64
Kepentingan institusi keluarga	65
Tanggungjawab bersama	66
Definisi dan dalil jenayah	67-68
Jenis hukum jenayah	69
Hudud	70
Qisas	71
Takzir	72

## **3.0 INSTITUSI ISLAM**

### **Ringkasan topik 3.1: Institusi Keluarga dan Masyarakat**

Tanggungjawab ibubapa terhadap anak	73
Konsep kejiwaan dalam Islam	74
Konsep masyarakat majmuk menurut Islam	75

<b>Ringkasan topik 3.2: Institusi Ekonomi</b>	79
Peranan zakat dalam pembangunan Islam	80
Perbankan Islam	81
Fungsi & peranan takaful	82
Fungsi dan peranan ar-rahnu	83
<b>Ringkasan topik 3.3: Institusi Pendidikan</b>	84
Fungsi dan peranan masjid	85
Fungsi dan peranan pondok	86
Fungsi dan peranan universiti	87
<b>Ringkasan topik 3.4: Institusi Siasah</b>	88
Institusi siasah	89
Khilafah/ Imamah	90
Fungsi dan peranan syura	91
Fungsi dan peranan hisbah	92
<b>4.0 ISLAM DAN CABARAN SEMASA</b>	93
<b>Ringkasan topik 4.1: Gejala Keruntuhan Akhlak</b>	94
Keruntuhan akhlak	95
Kes salah laku masa kini	96
Punca keruntuhan akhlak	97-98
Cabaran kepada masyarakat	99
Langkah mengatasi gejala keruntuhan akhlak	100-101
<b>Ringkasan topik 4.2: Pembangunan Islam dan Alam Sekitar</b>	102
Pembangunan dalam Islam	103
Matlamat pembangunan dalam Islam	104-105
Pembangunan alam sekitar	106-107
Matlamat pembangunan alam sekitar	108-109
Isu pencemaran alam sekitar	110
Langkah mengatasi pencemaran alam	111
<b>Ringkasan topik 4.3: Sains, teknologi dan ICT</b>	112
Sains dan ciri-cirinya	113
Teknologi dan ciri-cirinya	114
Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	115
Kepentingan sains dan teknologi	116
Sains dan teknologi (ICT) menurut Islam	117
Isu berkaitan sains dan teknologi serta ICT	118
Langkah penyelesaian isu sains dan teknologi serta ICT	119

<b>Ringkasan topik 4.4: Globalisasi</b>	120
Definisi globalisasi	121
Ciri globalisasi	122
Isu-isu globalisasi	123
Cabaran globalisasi	124
Pendekatan Islam terhadap isu globalisasi	125
<b>Ringkasan topik 4.5: Salah faham terhadap Islam</b>	126
Fahaman liberal	127
Ciri-ciri fahaman liberal	128
Punca salah faham terhadap Islam	129
Langkah mengatasi salah faham terhadap Islam	130
<b>Ringkasan topik 4.6: Radikalisme dan ekstremisme</b>	131
Radikalisme	132
Ekstremisme	133
Punca-punca radikalisme dan ekstremisme	134-135
Langkah mengatasi radikalisme dan ekstremisme	136
<b>Ringkasan topik 4.7: Dialog peradaban</b>	137
Dialog peradaban	138
Ciri-ciri peradaban	139
Cabaran isu dialog peradaban	140
Matlamat peradaban Islam	141
<b>Rujukan</b>	142-143

# 1.0 ISLAM SEBAGAI AL-DIN

## 1.1

### PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

- Pengertian Tasawur Islam.
- Kepentingan & faedah memahami konsep Tasawur Islam.
- Ciri-ciri kesempurnaan Islam
- Pengertian iman & pembahagiannya.
- Pengertian ihsan & permasalahannya

## 1.2

### RUKUN ISLAM

- Konsep syahadah.
- Ibadah solat sempurna.
- Ibadah puasa, zakat dan haji.

## 1.3

### RUKUN IMAN

- Konsep beriman kepada Allah SWT.
- Keperluan beriman kepada rasul.
- Keperluan beriman dengan kitab-kitab.
- Keperluan beriman kepada malaikat.
- Keperluan beriman kepada hari akhirat
- Keperluan beriman kepada qada' dan qadar.

## 1.4

### IHSAN

- Konsep ihsan
- Konsep akhlak
- Konsep dosa dan pahala

Disediakan oleh:

**NORHAFIZAH BINTI MOHD GHAZALI**  
Jabatan Pengajian Am, PTSS



# PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

---

01 • *Pengertian  
Tasawur Islam.*

---

02 • *Kepentingan &  
faedah memahami  
konsep Tasawur  
Islam.*

---

03 • *Ciri-ciri  
kesempurnaan  
Islam*

---


04 • *Pengertian iman &  
pembahagiannya.*

---

05 • *Pengertian ihsan &  
permasalahannya*

## PENGERTIAN

# TASAWUR ISLAM



TASAWUR

- Perkataan berasal dari Bahasa Arab yang bermaksud gambaran dan rupa bentuk.
- *Sawwara*: Kata kerja Bahasa Arab yang memberi maksud menggambarkan.

ISLAM

- Perkataan asal Bahasa Arab *salima* bermaksud selamat. *Aslama* bermaksud penyerahan diri dan kepatuhan.
- Islam ialah din atau cara hidup yang menuntut kepatuhan dan penyerahan diri yang tidak berbelah bahagi kepada Allah dan ia memberikan rasa selamat dan ketenangan kepada sesiapa yang berada di dalamnya.


TASAWUR ISLAM

- Gambaran atau rupa bentuk Islam yang sebenar dan hakiki (Haron Din, 1992).
- Gambaran sahih tentang Islam didapati dari sumber al-Quran dan al-Hadis.
- Islam sebagai cara hidup meliputi akidah, syariah, ibadah dan akhlak.

# KEPENTINGAN DAN FAEDAH MEMAHAMI KONSEP TASAWUR ISLAM

## BERAMAL DENGAN ISLAM YANG BETUL.

- Cara hidup, ibadah, pegangan & pemikiran mengikut roh Islam.
- Memberi imej baik tentang Islam kepada masyarakat sekeliling.



## MENANGANI MASALAH MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM.

- Setiap keputusan yang dilakukan akan berlandaskan Islam.
- Setiap keputusan diputuskan berdasarkan musyawarah dan istikharah.



## MELETAKKAN ISLAM PADA KEDUDUKAN YANG BETUL SETIAP MASA.

- Islam tidak hanya digunapakai pada masa dan situasi tertentu sahaja.
- Sentiasa meletakkan Islam di kedudukan tertinggi agar sentiasa dikagumi dan dihormati.



## MENGELAK KONFLIK & PANDANGAN NEGATIF

- Pandangan negatif terhadap Islam dapat diatasi dengan bijak & berhemah.
- Ancaman terhadap akidah dan pemikiran Islam tidak mudah mempengaruhi diri.



# CIRI-CIRI KESEMPURNAAN ISLAM

## RABBANIYAH (KETUHANAN)

Hukum dan peraturan syariah Islam dari Allah dan bukan ciptaan manusia.

## SYUMULIYYAH (KESEMPURNAAN)

Islam agama sempurna dan bersifat menyeluruh mencakupi semua urusan hidup merangkumi akidah, ibadah, muamalat dan akhlak.

## TAWAZUN (SEIMBANG)

Seimbang dari segala aspek jasmani, rohani dan emosi serta keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat.

## ALAMIYYAH (SEJAGAT)

Islam adalah agama yang universal dan sejagat. Ia sesuai untuk semua umat manusia. Ajaran Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang.

## WAQI'IYAH (REALITI)

Islam agama yang praktikal dan sesuai dengan cara hidup manusia. Masalah yang timbul akan diselesaikan mengikut kaedah Islam.

## THABAT DAN MURUNAH (TETAP & FLEKSIBEL)

Thabat bermaksud tetap dan tidak berubah. Murunah bermaksud anjal. Agama Islam merupakan agama yang mudah untuk diamalkan dan tidak akan membebankan umatnya.

# PENGERTIAN IMAN & PEMBAHAGIANNYA

## PENGERTIAN IMAN

Dari segi bahasa: Percaya, yakin & membenarkan.

Dari segi syarak: Percaya dengan hati, mengaku dengan lidah dan beramal dengan anggota badan.

## PEMBAHAGIAN IMAN

1. Iman taqlid
2. Iman ilmu
3. Iman a'yan
4. Iman hak
5. Iman hakikat

## PEMBAHAGIAN IMAN


Iman taqlid - iman ikut-ikutan.

Iman ilmu - beriman berdasarkan fikiran, tidak di hati.

Iman a'yan - iman yang terletak di hati, inilah iman orang soleh.

Iman hak - iman sebenar yang terlepas dari nafsu syaitan, inilah iman golongan muqarrabin.

Iman hakikat - iman peringkat tertinggi, hidup semata kerana Allah, rasul & hari akhirat, inilah iman para sahabat nabi.



# KAEDAH MENJAGA & MEMPERTINGKATKAN IMAN

## KAEDAH MENJAGA & MEMPERTINGKAT IMAN

- Menjaga hati dari sifat-sifat tercela
- Memperbanyak amalan sunat
- Berusaha melawan hawa nafsu
- Membiasakan diri dengan sifat terpuji
- Ikhlas semata-mata kerana Allah
- Sentiasa bertafakur iaitu memerhatikan tanda-tanda kebesaran Allah

## PERKARA MEMBATALKAN IMAN

Aspek yang membatalkan iman ialah mengingkari rububiyah Allah, mengingkari uluhiyyah Allah, mengingkari kerasulan para rasul serta mengingkari nama dan sifat Allah.



Gambaran pokok keimanan

## PERKARA MEMBATALKAN IMAN

- Syirik - syirik jali dan syirik khafi
- Kufur - kufur hakikat dan kufur nikmat
- Riddah - murtad melalui 3 cara
- Khurafat - kepercayaan dan perbuatan karut
- Sihir - ilmu berkaitan perbuatan halus
- Nifak - berpura-pura beriman sedangkan hati kufur (Munafik: 4 ciri orang munafik)



# PENGERTIAN IHSAN & PERMASALAHANYA

Menurut Kamus Dewan, ihsan ialah beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu berhadapan dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya.



**“ Ihsan itu ialah bahawa "Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, dan jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu." (Hadis riwayat Muslim daripada Umar bin Khattab) ”**

Dari Abu Hurairah bahwa Rasulullah SAW bersabda: Hak seorang muslim terhadap seorang muslim ada enam perkara. Lalu baginda ditanya; 'Apa yang enam perkara itu, ya Rasulullah?' Jawab baginda: Bila engkau bertemu dengannya, ucapkanlah salam kepadanya. Bila dia mengundangmu, penuhilah undangannya. Bila dia minta nasihat, berilah dia nasihat. Bila dia bersin lalu dia membaca tahmid, doakanlah semoga dia beroleh rahmat. Bila dia sakit, ziarahilah dia. Dan bila dia meninggal dunia, ikutlah mengiringi jenazahnya ke kubur. (HR Muslim No: 4023)



**6 hak seorang muslim terhadap seorang muslim yang lain.**




# RUKUN ISLAM

1. KONSEP SYAHADAH
2. IBADAH SOLAT
3. IBADAH PUASA
4. IBADAH ZAKAT
5. IBADAH HAJI

***"Islam dibangun di atas lima perkara: Persaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, pergi haji dan puasa di bulan Ramadan".***

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)



# KONSEP SYAHADAH

## PENGERTIAN SYAHADAH

Syahadah menurut Kamus Dewan bermaksud kesaksian, pengakuan. Kalimah syahadah bermaksud kalimah pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh-Nya.



## SYAHADAH KEPADA ALLAH

Mentauhidkan Allah dengan tauhid rububiyah, tauhid uluhiyyah, tauhid al-asma', al-sifat wa al-af'al serta tidak menghadapkan sembah kepada sesuatu yang lain selain Allah S.W.T.



## SYAHADAH KEPADA RASUL

Ikrar dan tasdiq dengan segala syariat yang dibawa oleh Rasulullah dan segala pemberitahuan mengenai perkara ghaib semuanya datang dari Allah serta menerima semua akhlak dan sifat kerasulan.



## PERKARA MEMBATALKAN SYAHADAH

Seseorang itu dianggap terkeluar daripada iman dan Islam apabila dia ber'itikad, berkata-kata atau melakukan perbuatan yang membatalkan ikrar dan tasdiq dua kalimah syahadah.





# SYAHADAH

## MAKNA SYAHADATIN

Dua kalimah yang mengandungi:

1. Penafian segala bentuk tuhan, kepercayaan & akidah bahawa hanya Allah Tuhan sekalian alam.
2. Pengakuan kerasulan Nabi Muhammad sebagai Rasul dan utusan Allah.

## TUNTUTAN SYAHADAH

- Dibuktikan dengan menunaikan rukun Islam iaitu solat lima waktu, zakat, puasa dan haji.
- Menurut segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya.

## FARDU SYAHADAH

Fardu syahadah ada 2 iaitu:

- Diikrarkan dengan lidah: Mengucapkan penyaksian itu sama ada dalam Bahasa Arab atau bahasa sendiri.
- Ditasdiqkan dengan hati: Terserah kepada hati masing-masing dan Allah sahaja yang mengetahuinya.

## SYARAT SAH SYAHADAH

- Diketahui.
- Diikrarkan dengan lidah.
- Ditasdiqkan dengan hati.
- Diamalkan dengan anggota.



# SYAHADAH KEPADA ALLAH

1

## Tauhid Rububiyah

Tauhid rububiyah yakni meyakini bahawa:


- Allah itu Tuhan Yang Maha Esa. Esa dalam hal menciptakan makhluk, memberi rezeki, mengatur alam dan memberi manfaat serta bencana kepada makhluk.
- Allah juga mengutus nabi dan rasul, manusia-manusia pilihan serta membimbing mereka kepada akidah yang lurus, akhlak yang mulia, ilmu yang bermanfaat dan amal yang soleh.

2

## Tauhid Uluhiyyah

Tauhid uluhiyyah adalah:

- Mengetahui dan mengakui bahawa Allah itu satu-satunya zat yang disembah oleh semua makhluk, mengesakan-Nya dalam ibadah, ikhlas semata-mata kerana Allah.
- Disebut tauhid fi'li (perbuatan) kerana dilakukan oleh hati dan anggota badan. Contohnya solat, zakat dan haji.



SCAN HERE



Lafaz Syahadah  
[https://www.youtube.com/watch?v=kvFWAbdMHSk&list=RDkvFWAbdMHSk&start\\_radio=1](https://www.youtube.com/watch?v=kvFWAbdMHSk&list=RDkvFWAbdMHSk&start_radio=1)

3

## Tauhid al-asma' wa al-sifat

Tauhid al-asma wa al-sifat iaitu:

- Percaya dengan sepenuhnya dan berpegang teguh bahawa Allah Ta'ala bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan sama sekali tidak bersifat dengan sifat kekurangan.
- Beriman dan mempercayai semua sifat-sifat dan nama-nama yang disebut oleh Allah dalam al-Quran dan diceritakan oleh Nabi dalam hadisnya tanpa memesongkan makna dan lafaznya, menafikannya, menggambarkan atau menentukan bentuk kejadian dan keadaannya dan tidak menyamakannya dengan sifat-sifat makhluk.

# PERKARA MEMBATALKAN SYAHADAH



Aspek yang membatalkan syahadah dan iman ialah:

- Mengingkari rububiyah Allah
- Mengingkari uluhiyyah Allah
- Mengingkari kerasulan para rasul
- Mengingkari nama dan sifat Allah

# 1

## MENINGKARI RUBUBIYAH ALLAH

Setiap iktikad, perkataan dan tindak-tanduk yang mengingkari dan tidak mempercayai Allah sebagai kuasa yang mencipta alam dan sekalian makhluk, mentadbir, memberi rezeki, boleh menyebabkan seseorang menjadi kafur.



# 2

## MENINGKARI ULUHIYYAH ALLAH

Setiap iktikad, kepercayaan dan tindak-tanduk yang mengingkari dan tidak mempercayai Allah sebagai ilah dengan penuh kasih, takut serta tidak disekutukan ibadat selain kepada-Nya dan menerima segala hukum-Nya dengan yakin dan redha.



# 3

Menafikan dan mengingkari mana-mana sifat Allah seperti ilmu-Nya, qudrat-Nya atau mentakrifkan mana-mana sifat Allah dengan takrifan yang kurang sempurna seperti menyamakan ilmu Allah dengan ilmu makhluk (terhad) dan mempertikaikan hak dan kekuasaan Allah seperti tidak merujuk kepada perintah dan larangan Allah dalam menggubal undang-undang.

Menetapkan mana-mana sifat kekurangan atau mustahil bagi Allah seperti mengatakan Allah mempunyai anak serta mengadakan peraturan sendiri yang bercanggah dengan yang telah ditetapkan oleh Allah.



# 4

## MENINGKARI KERASULAN PARA RASUL

Setiap iktikad, perkataan dan tindak-tanduk yang mengingkari dan mencela peribadi dan kerasulan Rasulullah serta apa yang disampaikannya seperti tidak melaksanakan hukum Islam dalam pemerintahan, mengkafirkan sahabat dan lain-lain.

# IBADAH SOLAT

*Solat menurut bahasa ertinya doa. Dari segi istilah adalah perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang bermula dengan takbir dan berakhir dengan salam berserta niat dan syarat-syarat yang tertentu.*

## SYARAT WAJIB SOLAT:

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Suci daripada haid dan nifas bagi perempuan

## PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT:

- Berkata-kata dengan sengaja selain al-Quran, zikir atau doa.
- Menambah/ mengurangkan rukun solat.
- Keluar hadas besar atau kecil.
- Terkena najis yang tidak dimaafkan.
- Terbuka aurat dengan sengaja, atau tidak sengaja tetapi tidak segera ditutup.
- Beralih arah dari kiblat dengan sengaja (berpaling dada).
- Berubah niat dari satu solat ke solat yang lain
- Makan walau sedikit.
- Minum seperti menelan air liur yang masih terasa manisnya.
- Melakukan pergerakan di luar rukun solat tiga kali berturut-turut (mutawaliyat).
- Murtad

## SYARAT SAH SOLAT:

- Yakin masuk waktu solat
- Menutup aurat
- Menghadap kiblat
- Suci badan dari hadas besar dan kecil.
- Suci dari najis sama ada di badannya, di tempat solatnya, dan di pakaiannya.

## PERKARA-PERKARA SUNAT SEMASA SOLAT

- Sunat Hai'ah: Jika ditinggalkan tidak menjadi apa-apa.
- Sunat Ab'adh: Jika ditinggalkan maka disunatkan sujud sahwi.

## PERKARA-PERKARA MAKRUH SEMASA SOLAT

- Berpaling kiri/ kanan atau mendongak
- Menyinsingkan kain atau baju
- Bersembahyang ketika berasa hendak qadha' haji
- Berlebih-lebihan membongkok dan menundukkan kepala ketika rukuk
- Bersembahyang ketika hadir makanan (makanan dihidangkan)

*Solat fardu merupakan salah satu dari Rukun Islam. Solat fardhu yang wajib didirikan ialah solat lima waktu sehari semalam iaitu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak.*

# PERKARA BERKAIT SOLAT

## 5 WAKTU SOLAT FARDU

Subuh Zohor Asar Maghrib Isyak

### SUNAT HAI'AH

1. Angkat dua tangan ketika takbiratul ihram, rukuk, iktidal dan bangun selepas tahiyat awal.
2. Tangan kanan atas tangan kiri, bawah dada/ atas pusat.
3. Membaca doa iftitah.
4. Membaca a'uzubillah (Taawuz).
5. Membaca amin sesudah al-Fatihah.
6. Membaca surah sesudah al-Fatihah.
7. Kuat/ perlahan suara pada bacaan al-Fatihah.
8. Baca takbir ketika rukuk dan bacaan ketika iktidal.
9. Bacaan tasbih ketika rukuk.
10. Bacaan tasbih ketika sujud.
11. Letak dua tapak tangan atas dua paha dengan melepaskan kesemua jari semasa duduk antara dua sujud. Tetapi pada tahiyat awal & akhir sunat tangan kanan digenggam dan lepaskan jari telunjuk semasa sebut 'illallah'.
12. Duduk iftirasy pada semua duduk, kecuali duduk yang akhir.
13. Duduk tawaruk pada duduk tahiyat akhir.
14. Memberi salam yang kedua dengan berpaling ke kanan & kiri sehingga nampak pipi kiri jika dipandang dari belakang.

## SOLAT TIANG AGAMA

### 3 PERKARA SUNAT SEBELUM SOLAT FARDU

Azan & iqamat

Menjawab azan & iqamat

Doa sesudah azan

### SUNAT AB'ADH

1. Membaca tahiyat awal
2. Selawat dalam tahiyat awal
3. Duduk tahiyat
4. Doa qunut ketika subuh
5. Selawat dalam qunut
6. Berdiri semasa qunut
7. Selawat ke atas keluarga nabi pada tahiyat akhir.

### Tinggal solat kerana tidur/ terlupa

Wajib dia solat apabila bangun/ ingat dan dia tidak berdosa.

### SUJUD

SAHWI

SAJADAH

SYUKUR

# RUKUN-RUKUN SOLAT

## RUKUN SOLAT ADA 13



### RUKUN SOLAT

- Niat.
- Berdiri bagi yang mampu.
- Membaca Takbiratul Ihram.
- Membaca surah Al-Fatihah.
- Rukuk dengan tama'ninah (tama'ninah: tenang dan tertib, tidak terburu-buru).
- Iktidal dengan tama'ninah.
- Sujud dua kali, dengan tama'ninah.
- Duduk di antara dua sujud, dengan tama'ninah.
- Duduk tasyahhud akhir.
- Tasyahhud Akhir dengan membaca bacaan Tasyahhud.
- Selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam Tasyahhud Akhir.
- Membaca salam yang pertama.
- Tertib.

### NOTE:

Kelima-lima rukun qauli perlu dilafaz di mulut dan didengari oleh telinga sendiri. Tidak sah jika hanya dibaca dalam hati.

SUBUH, ZOHOR, ASAR,  
MAGHRIB DAN ISYAK

### BAHAGIAN RUKUN SOLAT

1. Rukun qalbi (hati)
2. Rukun fi'li (perbuatan)
3. Rukun qauli (perkataan)



الله

### RUKUN + BAHAGIAN

QALBI: Niat

FI'LI: Berdiri bagi yang mampu, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, duduk tahiyat akhir, tertib

QAULI: Takbiratul ihram, baca al-Fatihah, baca tahiyat akhir, selawat, beri salam pertama.

## SYARAT

# RUKUN SOLAT



### SYARAT NIAT

- Niat ialah lintasan hati tentang apa-apa yang hendak dilakukan yang disertai dengan perbuatan.
- Lafaz yang disebut oleh mulut tidaklah dipanggil niat.

### SYARAT TAKBIRATUL IHRAM

- Dilafazkan dalam keadaan berdiri, bukan semasa baru hendak berdiri.
- Mesti menghadap kiblat.
- Lafazkan dalam Bahasa Arab.
- Didengari lafaz oleh telinga sendiri.
- Ketika lafaz, sertai niat dalam hati.



### SYARAT SAH BACAAN AL-FATIHAH

- Jelas didengari jika pendengarannya baik.
- Dibaca dengan tertib dan jelas sebutan huruf.
- Setiap kalimah disebut dengan betul.
- Dibaca dalam Bahasa Arab.
- Sempurna bacaan ketika berdiri tegak, tidak bersambung dalam rukuk.


### SYARAT RUKUK

- Kadar rukuk yang betul iaitu tapak tangan sampai ke lutut.
- Ketika bongkok untuk rukuk, tidak berniat untuk mengelak daripada sesuatu.
- Tetap dan tenang ketika rukuk serta lafaz tasbih rukuk.



## SYARAT

# RUKUN SOLAT




### SYARAT IKTIDAL

- Berhenti sekejap untuk mengucapkan tasbih iktidal.
- Ketika bangun dari rukuk, tidak diqasadkan selain ibadat.
- Tidak terlalu lama berdiri ketika iktidal.

### SYARAT SUJUD

- Dahi tidak berlapis dengan sesuatu benda (kecuali balutan luka dibolehkan).
- Tujuh anggota sujud terlibat.
- Punggung mestilah terangkat sedikit dari kepala.
- Niat untuk sujud, tidak diniatkan perkara lain semasa sujud.
- Tenang dan tetap dahi di tempat sujud.



### SYARAT TAHIYAT

- Bacaan didengari diri sendiri.
- Dibaca secara berturutan dan tidak diselangi dengan diam panjang.
- Dibaca dalam Bahasa Arab.
- Dibaca dalam keadaan duduk.
- Menjaga makhraj huruf & bacaan baris sabdu.
- Dibaca dengan tertib.



### SYARAT SELAWAT

- Bacaan didengari diri sendiri.
- Berturutan bacaan perkataan selawat.
- Dibaca dalam Bahasa Arab.
- Selawat dalam keadaan duduk.
- Jaga makhraj huruf dan baris sabdu.
- Baca dengan tertib kerana bacaan tidak tertib akan mengubah maknanya.



UJI  
Minda

<https://wordwall.net/resource/112929298>

# IBADAH

# PUASA

## MAKSUD PUASA

Puasa ialah menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari dengan niat puasa kerana Allah Taala.

## PEMBAHAGIAN PUASA

- Puasa wajib
- Puasa sunat

## RUKUN PUASA

- Orang yang puasa.
- Berniat pada malam hari untuk berpuasa esoknya.
- Menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan puasa.

## SYARAT WAJIB PUASA

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Sihat (Tidak sakit/ uzur)
- Bermukim (Menetap iaitu tidak bermusafir)
- Suci dari haid dan nifas

## SYARAT SAH PUASA

- Islam
- Berakal dan mumaiyyiz
- Suci dari haid dan nifas
- Berpuasa pada waktunya.

## PUASA SUNAT

- Puasa enam (Syawal)
- Puasa 1 hingga 8 Zulhijjah
- Puasa 9 Zulhijjah (Arafah)
- Puasa pada 9 Muharam
- Puasa 10 Muharam (Asyura)
- Puasa pada bulan Rejab
- Puasa bulan Sya'ban (kecuali hari syak)
- Puasa Nisfu Sya'ban
- Puasa Isnin & Khamis
- Puasa 13, 14 & 15 Qamariah (Hari Putih)
- Puasa berselang hari

## PUASA WAJIB

- Puasa Ramadan
- Puasa Qada'
- Puasa Nazar
- Puasa Kifarat

SCAN HERE



Lafaz Niat  
Puasa Ramadan

# PUASA

Perkara-perkara berkaitan puasa.

## **PERKARA MAKRUH SEMASA PUASA**

- Berkumur-kumur.
- Memasukkan air ke dalam hidung secara berlebihan.
- Bercakap kotor dan sia-sia.
- Mencium bau-bauan.
- Merasa makanan dengan lidah.
- Mandi yang berlebihan.
- Berbekam (Jika ia melemahkan badan).

## **PERKARA BOLEH SEMASA PUASA**

- Menyelam dalam air asalkan tidak menelan air.
- Menitiskan ubat ke dalam mata.
- Suntikan (injection).
- Memasuki subuh dalam keadaan berjunub.
- Melambatkan mandi sehingga subuh bagi perempuan yang sudah berhenti haid/ nifas pada malamnya.

## PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

- Berniat buka puasa.
- Makan dan minum dengan sengaja di siang hari.
- Memasukkan sesuatu ke dalam rongga hidung, mulut dan telinga dengan sengaja.
- Muntah dengan sengaja.
- Bersetubuh di siang hari.
- Keluar haid atau nifas.
- Keluar mani dengan sengaja.
- Bersalin.
- Hilang akal (gila/ mabuk) pada siang hari puasa.
- Murtad.



## **SUNAT-SUNAT PUASA**


- Segera berbuka apabila masuk waktu
- Melambatkan sahur.
- Menjauhi perkara sia-sia.
- Solat tarawih di malamnya.
- Berzikir selepas solat witr.
- Tadarus al-Quran.
- Iktikaf di masjid.
- Banyakkan sedekah.
- Baca doa ketika berbuka.

## **ADAB-ADAB BERPUASA**

- Jauhi mengumpat dan mencela.
- Jauhi daripada perkara batal puasa.
- Bersederhana makan dan minum waktu berbuka dan sahur.
- Kurangkan tidur di siang hari.
- Menahan keinginan yang kotor dan hina.
- Tanam harapan agar amal diterima Allah.



# HARI-HARI BERPUASA



## HARI DILARANG BERPUASA

Aidilfitri (1 Syawal)

Aidiladha (10 Zulhijjah)

Hari Tasyrik (11, 12, 13 Zulhijjah)

Hari Syak (30 Sya'ban)


## HARI MAKRUH BERPUASA

- Berpuasa hari Jumaat sahaja.
- Berpuasa hari Sabtu sahaja.
- Berpuasa sepanjang tahun secara terus menerus.

## ORANG YANG DIBENARKAN TIDAK PUASA

- Orang yang terlalu tua dan lemah dibolehkan tidak berpuasa dan tidak wajib qada', tetapi hendaklah membayar fidyah.
- Musafir bukan bertujuan maksiat dibolehkan tidak puasa, tetapi wajib diqada'.
- Orang sakit dibolehkan tidak puasa dan wajib qada'. Jika sakit sepanjang tahun atau tiada harapan sembuh, tidak wajib qada', hanya wajib fidyah sahaja.
- Wanita hamil atau menyusukan anak yang bimbang kesihatan dirinya atau anaknya atau kedua-duanya sekali.

**\*Fidyah: Memberi sedekah secupak beras kepada seorang miskin bagi setiap sehari puasa yang ditinggalkan.**





# QADA & FIDYAH PUASA

Hukum qada puasa ramadan yang ditinggalkan adalah wajib mengikut bilangan hari yang telah ditinggalkan.

## GOLONGAN YANG WAJIB FIDYAH

- Mereka yang tidak qada puasa sehingga masuk Ramadan berikutnya.
- Orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh.
- Orang yang terlalu tua, uzur dan tidak berdaya untuk berpuasa.
- Orang mati yang belum sempat qada puasa yang telah ditinggalkan (fidyah dibuat oleh kerabatnya).
- Wanita mengandung atau menyusukan anak yang tinggalkan puasa kerana bimbang keselamatan anaknya.

## GOLONGAN YANG WAJIB QADA PUASA

- Orang sakit yang ada harapan untuk sembuh.
- Musafir melebihi dua marhalah bukan bertujuan maksiat.
- Wanita kedatangan haid dan nifas.
- Orang yang tidak puasa kerana meninggalkan niat puasa.
- Orang yang sengaja melakukan perkara membatalkan puasa.
- Orang pitam/ mabuk semasa bulan Ramadan.
- Orang yang tidak boleh berpuasa kerana sangat lapar dan dahaga.



**UJI**  
Minda

<https://wordwall.net/resource/112930034>

# IBADAH ZAKAT

Mengeluarkan kadar harta tertentu kepada orang tertentu dengan syarat tertentu setelah mencukupi nisabnya & sampai masanya 1 tahun.



## HUKUM ZAKAT

Hukum mengeluarkan zakat ialah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang telah cukup syarat-syaratnya.

## BAHAGIAN ZAKAT

1. Zakat badaniah iaitu zakat tubuh badan/ zakat fitrah.
2. Zakat maliyah iaitu zakat harta benda seperti emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, harta perniagaan dan haiwan ternakan.

## ZAKAT FITRAH

Zakat fitrah ialah zakat badan diwajibkan sempena berakhirnya Ramadan mengikut syarat tertentu. Wajib ke atas setiap orang dengan syarat berikut:

- Islam
- Merdeka
- Mempunyai harta lebih daripada keperluan diri dan tanggungannya pada hari raya Aidilfitri dan malamnya.
- Hidup pada hari akhir Ramadan setelah terbenam matahari.

## PENERIMA ZAKAT

- Fakir
- Miskin
- Amil
- Mu'alaf
- Hamba
- Orang yang berhutang
- Jihad di jalan Allah (Fi sabilillah)
- Musafir

## WAKTU BAYAR ZAKAT

- Awal hingga akhir Ramadan (waktu dibolehkan).
- Selepas terbenam matahari akhir Ramadan (waktu wajib)
- Selepas solat subuh hari akhir Ramadan (waktu afdal)
- Selepas solat Aidilfitri hingga tiba maghrib (waktu makruh)
- Selepas terbenam matahari pada Aidilfitri (waktu haram)



## ZAKAT EMAS & PERAK

- Kadar nisab zakat emas ialah 85 gram dikenakan 2.5% zakat.
- Kadar nisab zakat perak ialah 560 gram dikenakan 2.5% zakat.
- Kadar zakat wang berubah-ubah mengikut kadar simpanan.

## ZAKAT TANAMAN

Nisab zakat tanaman dan buah-buahan ialah 690 kg. Kadar zakatnya ialah:

- 10% terhadap tanaman yang diairi oleh hujan atau sungai.
- 5% terhadap tanaman yang disiram menggunakan belanja sendiri.

Syarat wajib zakat tanaman ialah:

- Islam
- Merdeka
- Milik sempurna
- Cukup nisab
- Ditanam oleh manusia
- Bijian atau buah-buahan itu boleh disimpan lama dan mengenyangkan.

## ZAKAT HAIWAN TERNAKAN

Nisab zakat lembu/ kerbau:

- 30 ekor = 1 ekor berumur 1 tahun.
- 40 ekor = 1 ekor berumur 2 tahun.

Nisab zakat kambing/ biri-biri

- 40-120 ekor = 1 ekor berumur 1 tahun.
- 121-200 ekor = 2 ekor berumur 1 tahun.
- 201-399 ekor = 3 ekor berumur 1 tahun
- 100 ekor berikutnya = 1 ekor berumur 1 tahun.



Zakat haiwan ternakan dan syarat-syaratnya ialah:

- Islam
- Merdeka
- Cukup nisab
- Cukup haul/ masa
- Milik sempurna
- Haiwan yang bebas di padang rumput. Jika dibeli makanannya, tidak wajib zakat.
- Haiwan tidak cacat dan tidak terlalu tua.

## ZAKAT PERNIAGAAN

Nisab zakat perniagaan ialah menurut modal asalnya sama seperti zakat emas iaitu 80 gram emas.

Syarat wajib:


- Mesti cukup setahun.
- Kadar zakat 2.5%
- Caranya ialah wang modal ditaksir harga menurut harga pembelian waktu itu, dicampur keseluruhannya lalu dizakatkan.
- Wajib juga dijumlahkan hutang yang diyakini akan diterima dari orang lain.
- Jika rugi, nilainya tidak sampai satu nisab lagi, tidak wajib zakat.



UJI  
Minda

# IBADAH HAJI

Haji dari segi syarak bermaksud mengunjungi Baitullah di Mekah untuk melakukan beberapa ibadah pada bulan haji dengan rukun dan syarat tertentu.



## SYARAT WAJIB HAJI

1. Islam
2. Berakal
3. Baligh
4. Merdeka
5. Berkuasa

## MAKSUD BERKUASA

Berkuasa maksudnya:

- Mampu sedia perbelanjaan untuk diri dan nafkah keluarga yang ditinggalkan.
- Punya kenderaan pergi balik sama ada sewa atau beli.
- Aman perjalanan dari penyakit, bencana atau peperangan.
- Sihat tubuh badan.
- Ada kelapangan masa.
- Jika perempuan, mestilah bersama mahramnya.

## RUKUN HAJI

1. Berniat ihram haji.
2. Wukuf di Arafah.
3. Tawaf keliling Kaabah.
4. Sa'i dari Bukit Safa ke Bukit Marwah.
5. Bercukur sekurangnya 3 helai rambut.
6. Tertib bagi kebanyakan rukun.

## PERKARA WAJIB HAJI

1. Ihram di Miqat.
2. Bermalam di Muzdalifah.
3. Melontar Jamratul Aqabah di Mina.
4. Bermalam di Mina pada malam hari Tasyrik.
5. Melontar ketiga-tiga jamrah iaitu Jamratul Ula, Wusta & Aqabah.
6. Jauhi diri daripada perkara dilarang semasa berhram.



## PERKARA BATAL HAJI

1. Jimak sebelum tahalul awal (melontar Jamratul Aqabah, bercukur, tawaf diiringi sa'i).
2. Luput waktu Arafah iaitu selepas terbit fajar 10 Zulhijjah.
3. Murtaf

# SUNAT

## HAJI




### PERKARA-PERKARA SUNAT HAJI

- Mandi sebelum memakai ihram.
- Solat sunat 2 rakaat sebelum memakai ihram.
- Membaca talbiah sesudah ihram.
- Membaca doa sesudah talbiah.
- Mengerjakan tawaf qudum iaitu tawaf selamat datang.
- Mengucup Hajarul Aswad.
- Menyentuh atau melambai pada sudut Yamani (tanpa kucup).
- Zikir & doa ketika tawaf.
- Solat sunat 2 rakaat selepas tawaf.
- Minum air zamzam selepas solat sunat sesudah tawaf.
- Masuk ke dalam kaabah jika berkesempatan.
- Bermalam di Mina pada malam 9 Zulhijjah.
- Berada di Arafah beberapa minit sesudah terbenam matahari.
- Berada di Muzdalifah sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah.

## LARANGAN IHRAM


1. Memakai pakaian berjahit bagi lelaki.
2. Menutup kepala bagi lelaki.
3. Menutup muka bagi wanita.
4. Memakai sarung tangan bagi lelaki dan wanita.
5. Memakai wangian.
6. Memakai minyak di rambut atau janggut dan semua bulu di muka.
7. Menanggalkan rambut atau bulu di mana-mana bahagian badan.
8. Memotong kuku.
9. Memotong atau menebang atau mengerat pokok di tanah haram.
10. Memburu atau membunuh binatang yang halal di makan di tanah haram.
11. Melakukan pendahuluan persetubuhan.
12. Bersetubuh (berjimak).
13. Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin.

# CARA KERJA HAJI



1. HAJI IFRAD: Mengerjakan haji dan umrah secara berasingan. Mengerjakan haji hingga selesai tahalul kemudian pakai ihram umrah.
2. HAJI TAMATTU': Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan-bulan haji kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.
3. HAJI QIRAN: Mengerjakan haji bersama umrah. Semasa memakai ihram diniatkan serentak untuk haji dan umrah.

Haji Tamattu juga dikenali sebagai 'Haji Bersenang-senang'. Mereka yang mengerjakan haji ini dikenakan membayar DAM (denda) kerana mengerjakan umrah dalam bulan haji tahun yang sama. Haji Qiran juga dikenakan bayaran DAM seperti Haji Tamattu'.



# HIKMAH IBADAH HAJI

## **SUASANA PERSAUDARAAN ISLAM SEJATI**

Perhimpunan raksasa ini dapat memupuk persaudaraan sesama umat manusia dan bukti bahawa umat Islam semuanya sama sebagai 'tetamu' Allah.

## **DAPAT MENYAKSIKAN KESAN PERJUANGAN PARA RASUL**

Kunjungan ke Baitullah ini dapat menyaksikan kesan perjuangan Nabi Ibrahim, Nabi Ismail & Rasulullah SAW dalam menegakkan syiar Islam.

## **MENGHAYATI TEMPAT BERSEJARAH**

Umat Islam dapat menghayati tempat bersejarah seperti Bukit Uhud (kesan peperangan menegakkan Islam) dan Gua Thur (tempat pertama Rasulullah SAW menegakkan syariat Islam).

## **LAMBANG PERHIMPUNAN DI AKHIRAT**

Ibadah haji ini satu lambang perhimpunan manusia pada hari akhirat terutamanya ibadah wukuf di Padang Arafah.

## **MENYEMAI KEINSAFAN**


Ibadah haji ini dapat menginsafkan manusia bahawa kita akan kembali menemui Allah tanpa membawa harta dan pangkat kecuali iman, amal dan takwa.



**UJI**  
Minda

<https://wordwall.net/resource/112935274>

# RUKUN IMAN



01

## **KONSEP BERIMAN KEPADA ALLAH**

Kepentingan beriman kepada Allah, Kesan beriman kepada Allah, Nama-nama Allah dan Sifat-sifat Allah.

02

## **KEPERLUAN BERIMAN KEPADA RASUL**

Pengertian nabi dan rasul, Sifat-sifat Rasul, Jumlah nabi dan Rasul, Cara Beriman kepada Rasul dan Kesan Beriman Kepada Rasul.

03

## **KEPERLUAN BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB**

Pembahagian kitab dan Nama-nama Kitab

04

## **KEPERLUAN BERIMAN KEPADA MALAIKAT**

Penciptaan malaikat, Jumlah malaikat, Sifat-sifat malaikat dan Hikmah beriman kepada malaikat.

05

## **KEPERLUAN BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT**

Tanda-tanda kecil kiamat, Tanda-tanda besar kiamat, Tiupan sangkakala, Kebangkitan semula dan Hikmah beriman kepada hari akhirat.

06

## **KEPERLUAN BERIMAN KEPADA QADA' & QADAR**

Pengertian qada' dan qadar, Jenis-jenis qada' dan Keperluan beriman kepada qada' dan qadar.

# KONSEP BERIMAN KEPADA ALLAH SWT

Membenarkan dengan yakin kewujudan dan keesaan Allah dalam mencipta seluruh makhluk & alam serta mempercayai sifat-sifat Allah.

## KEPENTINGAN BERIMAN KEPADA ALLAH

Manusia sebaik-baik kejadian & sebagai khalifah manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah.

## KESAN BERIMAN KEPADA ALLAH

- Tenang: Yakin kekuasaan & keadilan Allah dalam menentukan segala yang berlaku.
- Amanah: Menjaga alam dan mengambil manfaat.
- Menjaga hubungan sesama manusia: Berakhlak mulia.
- Berjaya dunia & akhirat: Mengamalkan cara hidup Islam.



## NAMA ALLAH

Asmaul Husna iaitu nama-nama Allah yang baik, mulia dan agung sesuai dengan sifat-sifat-Nya. Terdapat 99 nama Allah.



*Nama-nama Allah*

## SIFAT ALLAH

Sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah SWT tiada batasannya. Jumlah 20 sifat wajib bagi Allah bukanlah bermaksud sifat Allah SWT hanya terhad kepada bilangan 20 sahaja. Ini kerana, dalam kitab Umm al-Barahin yang menjadi antara rujukan utama bagi huraian Sifat 20 ini didapati Imam al-Sanusi berkata: "Maka, sebahagian daripada apa yang wajib bagi Tuhan kita adalah 20 Sifat."

# KEPERLUAN BERIMAN KEPADA RASUL

Nabi dan rasul ialah utusan Allah kepada manusia ke dunia ini bagi menunjukkan arah kebenaran dan kebahagiaan dunia dan akhirat. Nabi dan rasul terdiri dari kalangan manusia yang bermula dengan Nabi Adam AS dan berakhir dengan Nabi Muhammad SAW.

## NABI DAN RASUL

- Nabi ialah lelaki yang dipilih Allah untuk menerima wahyu tetapi tidak ditugaskan untuk menyampaikannya kepada orang lain.
- Rasul ialah seorang lelaki yang dipilih Allah untuk menerima wahyu serta perlu menyampaikannya kepada orang lain.

## SIFAT RASUL

- SIDDIQ: Benar di dalam tutur kata dan tingkah laku. Mustahil rasul bersifat kazib iaitu dusta.
- AMANAH: Mustahil rasul bersifat khianat sama ada kepada manusia atau Allah.
- TABLIGH: Menyampaikan. Mustahil rasul bersifat menyembunyikan.
- FATANAH: Rasul bersifat cerdas. Mustahil rasul lemah otaknya atau bodoh.



## JUMLAH NABI & RASUL

Jumlah nabi dan rasul adalah banyak. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui bilangan nabi dan rasul. Setiap rasul adalah nabi namun tidak semua nabi adalah rasul. Jumlah para rasul ialah 313 orang dan hanya 25 rasul yang wajib diketahui.



## ***CARA BERIMAN KEPADA RASUL***

- Percaya bahawa rasul adalah utusan Allah
- Percaya pada ajaran yang dibawa
- Percaya pada semua rasul
- Berdoa seperti doa para nabi
- Selalu berselawat
- Meneladani akhlak para rasul
- Memperbanyak amalan
- Rajin membaca Al Quran



*Nama-nama  
Rasul*

## ***KESAN BERIMAN KEPADA NABI DAN RASUL***

- Terhindar daripada gejala buruk apabila mencontohi akhlak nabi dan rasul.
- Berasa yakin dalam beribadah kerana percaya bahawa ibadah yang dilakukan menepati tuntutan yang disyariatkan Allah.





# KEPERLUAN BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB

Jumlah kitab-kitab suci yang telah diturunkan sejak dari zaman Nabi Adam hingga kepada Nabi Muhammad SAW adalah sebanyak 104 buah.

100 buah suhuf (lembaran) dan 4 buah kitab suci telah diturunkan oleh Allah.

## BERIMAN DENGAN KITAB

- Wajib beriktikad dan yakin bahawa Allah mempunyai beberapa kitab suci yang merupakan firman Allah yang hakiki.
- Diturunkan melalui wahyu yang disampaikan melalui perantaraan malaikat Jibril.

## KITAB TAURAT

- Diturunkan kepada Nabi Musa.
- Mengandungi syariat yang benar dan diredai Allah.
- Kandungannya perlu Nabi Musa sampaikan kepada kaumnya.

## KITAB ZABUR

- Diturunkan kepada Nabi Daud.
- Mengandungi fatwa, doa, zikir, nasihat atau peringatan yang mesti dijalankan oleh umat Nabi Daud..



## KITAB INJIL

- Diturunkan kepada Nabi Isa.
- Mengandung wahyu-wahyu Allah yang mengajar manusia kembali menyembah Allah.
- Juga dijelaskan tentang kedatangan Nabi Muhammad sebagai utusan Allah yang terakhir sebagai penutup para nabi dan rasul.
- Kitab ini telah diubah suai keasliannya.
- Menjadi pegangan penganut agama Kristian kini.



## KEISTIMEWAAN AL-QURAN

- Isi kandungan al-Quran sesuai dengan semua bangsa di semua tempat, semua zaman dan keadaan.
- Kitab suci ini kekal dalam keadaan asalnya tanpa sebarang perubahan walau satu huruf. Ini jaminan Allah.
- Dapat dibuktikan keasliannya dan benar-benar wahyu Allah.
- Mempunyai bukti sejarah yang jelas dilengkapi sebab-sebab ayat diturunkan.
- Kitab ini adalah penyempurnaan segala kitab yang sebelumnya.

## KITAB AL-QURAN

- Diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.
- Kitab suci terakhir yang diturunkan kepada manusia.
- Diturunkan di Mekah dan Madinah.
- Tempoh penurunan ialah selama 22 tahun 2 bulan 22 hari.
- Mengandung 6236 ayat.
- Mengandung 114 surah.

## PENCIPTAAN MALAIKAT

- Malaikat ialah makhluk Allah yang diciptakan di alam ghaib.
- Malaikat adalah makhluk yang taat, patuh dan sentiasa beribadat menjalankan perintah Allah.
- Malaikat tidak tidur dan tiada nafsu syahwat.
- Tugas malaikat antaranya sentiasa bertasbih memuji Allah, memikul arasy dan mendoakan para mukmin.

## SIFAT MALAIKAT

- Dapat menyerupai makhluk lain dengan izin Allah.
- Dapat melalui perjalanan jauh dalam masa yang singkat.
- Dapat melaksanakan tugas yang amat berat yang tidak dapat dilaksanakan oleh makhluk lain.
- Tidak pernah ingkar perintah Allah. Sentiasa patuh dan taat.
- Tidak makan, minum dan tidak bersifat seperti sifat manusia.

# KEPERLUAN BERIMAN KEPADA MALAIKAT

## JUMLAH MALAIKAT

Jumlah malaikat banyak. Hanya 10 yang wajib diketahui iaitu:

- Jibril
- Mikail
- Izrail
- Israfil
- Rakib & Atid
- Mungkar & Nakir
- Malik
- Ridhwan



*Tugas-tugas  
malaikat*

## HIKMAH BERIMAN KEPADA MALAIKAT

- Sentiasa menjaga tingkahlaku dan tutur kata kerana menyedari ada malaikat yang sentiasa mengawasi.
- Timbul keinsafan dan akan bertaubat di atas sikap atau tutur kata buruk yang telah dilakukan kerana sedar setiap perbuatan akan dicatat oleh malaikat.
- Sentiasa patuh perintah Allah kerana sedar akan ada malaikat menyoal dan menyeksa di alam kubur nanti.

# KEPERLUAN BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

Wajib beriktikad dan yakin bahawa wujud hari akhirat atau hari kiamat dan harinya akan tiba. Cuma tidak diketahui bila akan berlakunya hari tersebut.



## TANDA BESAR KIAMAT

- Matahari terbit dari arah barat.
- Keluar sejenis binatang dari perut bumi yang pandai berkata-kata (Dabbatulardh).
- Munculnya Imam Mahdi yang akan mengembalikan syariat Islam dan menegakkan Islam serta sunnah Rasulullah.
- Keluarnya Dajjal (ahli dusta dan penipu besar).
- Turunnya Nabi Isa ke dunia untuk membunuh dajjal.

## TANDA KECIL KIAMAT

- Ilmu agama berkurang dengan kematian alim ulama yang tiada pengganti.
- Kejahilan ilmu agama kerana kurang keinginan mempelajarinya.
- Urusan agama diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya.
- Masyarakat dipimpin oleh ketua yang fasik yang menggalakkan maksiat.
- Arak diminum di mana-mana seolah-olah tiada larangan pengharamannya.
- Lucah, cabul dan zina berleluasa secara terang-terangan tanpa rasa malu atau takutkan dosa.


## TANDA BESAR KIAMAT

- Keluarnya Yajuj dan Ma'juj iaitu kaum yang dipenjarakan dengan tembok besi yang tinggi dan tebal pada zaman Raja Zulkarnain.
- Timbul asap seluruh bumi setelah Yajuj dan Ma'juj mati.
- Rosaknya Kaabah Baitullah di Masjidil Haram.
- Hilangnya tulisan al-Quran dari mushaf dan dari ingatan orang Islam.
- Penghuni dunia tiada lagi yang beriman di mana semua penghuninya adalah kafir.

## KEBANGKITAN SEMULA

Peringkat-peringkat yang akan dialami oleh manusia sesudah dibangkitkan di Padang Mahsyar:

1. Kebangkitan dari alam kubur (Baath).
2. Berkumpul di Padang Mahsyar (Hashyar).
3. Syafaat 'Uzma.
4. Timbangan amal (Mizan).
5. Titian Sirat.
6. Syurga dan neraka.



UJI  
Minda

<https://wordwall.net/resource/112933465>

## TIUPAN SANGKAKALA

- Tiupan pertama: Semua makhluk bernyawa akan mati.
- Tiupan kedua: Semua makhluk dihidupkan kembali dari kubur.

## HIKMAH BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

- Dorongan melakukan amal soleh agar beroleh ganjaran syurga.
- Takut dan gerun untuk melakukan dosa kerana adanya balasan neraka.
- Sentiasa beristighfar, berzikir dan bertaubat agar terhindar dari balasan buruk.
- Bertindak meninggalkan perbuatan sia-sia kerana bimbang akan merugikan diri kelak.

# KEPERLUAN BERIMAN KEPADA QADA' & QADAR

## PENGERTIAN QADA' & QADAR

- Yakin dan percaya segala yang berlaku di dunia ini adalah menurut ketentuan dan ketetapan Allah.
- Qada': Kejadian, hukum yang berlaku pada diri seseorang seperti kaya, miskin, hidup, mati dan sebagainya.
- Qadar: Sukatan dan ukuran yang ditentukan atas tiap-tiap makhluk.

## KESAN BERIMAN KEPADA QADA' & QADAR

- Setiap mukmin akan berusaha untuk mencapai sesuatu di samping memohon pertolongan Allah.
- Setiap mukmin tidak hanya bersikap menunggu atau berkhayal sahaja menunggu rezeki Allah.
- Menerima kegagalan dengan tenang setelah berusaha kerana yakin dengan qada' Allah.
- Perkataan "kalau" tidak disebut kerana membuka jalan hasutan syaitan.



## JENIS-JENIS QADA'

### QADA' MUBRAM

Qada' yang ditetapkan dan tidak mungkin berubah berdasarkan ilmu Allah yang meliputi segala kejadian yang berlaku. Contohnya setiap yang hidup pasti akan mati.

### QADA' MUALLAQ

Qada' yang ditetapkan mengikut penyesuaian waktu dan keadaan. Contohnya rezeki, kebahagiaan, kecelakaan, kegagalan boleh diubah dengan usaha manusia dan kehendak Allah.



*Seorang Islam yang beriman mestilah beriktikad dan yakin bahawa musibah itu adalah ujian Allah untuk menguji keimanan seseorang dan pasti ada hikmahnya yang tidak ternilai.*

# IHSAN

## 01

### KONSEP IHSAN

- Definisi Ihsan
- Kepentingan Ihsan
- Kesan Amalan Ihsan

## 02


### KONSEP AKHLAK

- Definisi Akhlak
- Bahagian Akhlak
- Kepentingan Akhlak

## 03

### KONSEP DOSA DAN PAHALA

- Definisi Dosa & Pahala
- Perkara Dosa & Pahala
- Taubat



# KONSEP IHSAN



## DEFINISI IHSAN

Menurut Kamus Dewan, ihsan ialah beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu berhadapan dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya.

Ketika Rasulullah SAW ditanya tentang ihsan, Baginda bersabda yang membawa maksud: 'Ihsan itu adalah bahawa engkau menyembah Allah SWT seolah-olah engkau melihatNya, tetapi jika engkau tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau.' (Riwayat Muslim)

## KEPENTINGAN IHSAN

### Ihsan dalam ibadah

- Setiap hamba Allah akan menunaikan ibadah yang diwajibkan ke atasnya kerana merasai diri sentiasa diawasi oleh Allah.

### Ihsan Dalam Muamalah

- Membuatkan manusia menunaikan hak sesama makhluk dengan menjalinkan hubungan baik sesama manusia dan belas kasihan terhadap haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

## KESAN AMALAN IHSAN

- Tidak kedekut untuk menyumbang harta kepada golongan miskin dan mereka yang memerlukan.
- Rajin mendirikan solat malam dengan mengorbankan masa rehat dan tidur.
- Rela berjihad mengorbankan nyawa, tenaga dan harta untuk Islam.
- Memberi kemaafan dan sabar menghadapi ujian Allah.



# KONSEP AKHLAK

## DEFINISI AKHLAK

- Akhlak bermaksud budi pekerti, tingkahlaku, perangai, tabiat dan adab.
- Rasulullah SAW diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji iaitu berlandaskan al-Quran.
- Saidatina Aisyah ketika ditanya mengenai akhlak Baginda, maka jawabnya: 'Rasulullah SAW memiliki budi pekerti al-Quran'. (Riwayat Bukhari & Muslim)

## BAHAGIAN AKHLAK

### SIFAT MAHMUDAH (Menurut Imam al-Ghazali)

- Taubat
- Takut kepada Allah
- Kasih akan Allah
- Zuhud
- Sabar
- Syukur
- Ikhlas dan benar
- Tawakal
- Reda dengan qada' Allah.
- Mengingati mati.

### SIFAT MAZMUMAH (Menurut Imam al-Ghazali)

- Gemar makan dan minum.
- Banyak berkata-kata yang sia-sia.
- Marah
- Hasad dengki dan iri hati.
- Kasih pada harta.
- Takbur (sombong diri)
- Riyak (menunjuk-nunjuk).
- Ujub (kagum terhadap diri sendiri)
- Kasih akan dunia.

## KEPENTINGAN AKHLAK

- Menjadi garis pemisah antara individu berakhlak dan tidak berakhlak.
- Roh Islam di mana agama tanpa akhlak umpama jasad tanpa nyawa.
- Nilai yang menjamin keselamatan daripada api neraka.
- Lambang kesempurnaan iman, ketinggian takwa dan kealiman manusia yang berakal.
- Menjamin kekalnya sesebuah ummah di bawah keredhaan dan perlindungan Allah.
- Mengelakkan krisis dan kehancuran diri, keluarga, masyarakat dan negara.
- Menjadi asas pembentukan masyarakat yang kukuh dan tidak mudah runtuh.



## KONSEP



# DOSA & PAHALA

### DEFINISI DOSA

Perbuatan melanggar hukum Tuhan atau agama, segala halal haram (Kamus Dewan Edisi Keempat).

### DEFINISI PAHALA

Ganjaran daripada Tuhan kerana berbuat baik (Kamus Dewan Edisi Keempat).


### PERKARA DOSA & PAHALA

Kesemua larangan yang dilarang oleh Allah SWT dianggap sebagai maksiat dan dosa jika dilakukan. Bahkan dosa dan maksiat adalah penyebab turunnya azab Allah.


Kehidupan kita bukan semata-mata di dunia tetapi kita menuju ke tempat abadi di akhirat kelak dan kesudahannya sama ada ke syurga atau ke neraka.

### FAKTOR SESEORANG MELAKUKAN DOSA

- Lemah dalam melawan godaan syaitan.
- Cenderung merasakan kesenangan sehingga nafsu mengalahkan akal.
- Terkepong dengan keadaan melanggar undang-undang Allah di mana syaitan hanya menunggu peluang untuk menjerumuskan bani Adam ke dalam maksiat.



# TAUBAT



Taubat bermaksud kembali, iaitu kembali kepada kesucian setelah melakukan dosa.

## SYARAT TAUBAT

1. Menghentikan maksiat.
2. Menyesal dengan perbuatan yang telah dilakukan.
3. Niat bersungguh-sungguh tidak akan mengulangi perbuatan dosa itu.
4. Jika dosa yang ada kaitan dengan manusia, hendaklah diselesaikan urusan itu dengan orang yang berhak seperti meminta maaf atau memulangkan semula barangnya.

## TAUBAT DITOLAK ATAU DITERIMA?

Taubat diterima jika memenuhi syarat-syaratnya. Taubat yang ditolak ialah taubat ketika di ambang maut, ketika nafas telah sampai di kerongkong.

## TINGKAT TAUBAT

- Imam al-Ghazali membahagikan tingkat taubat kepada:
1. Taubat orang awam: Dilakukan terhadap dosa yang nyata seperti zina, curi, bunuh dan lain-lain.
  2. Taubat yang khusus: Taubat kerana melakukan dosa batin seperti dengki, takbur dan lain-lain.
  3. Taubat yang lebih khusus: Taubat kerana kealpaan dan lalai mengingati Allah.

# 2.0 ISLAM DAN ASAS SYARIAH

## 2.1

### Ilmu Islam

- Pengertian ilmu
- Pembahagian ilmu
- Sumber-sumber ilmu menurut Islam
- Matlamat menuntut ilmu
- Kelebihan orang yang berilmu

Disediakan oleh:  
Solhal Huda Binti Sahidan  
Jabatan Pengajian Am, PTSS



# Pengertian Ilmu



## Dari segi bahasa:

Berasal daripada perkataan Arab, iaitu 'alima yang bermaksud mengetahui.

## Dari segi istilah:

Ilmu bermaksud segala pengetahuan atau kebenaran tentang sesuatu yang datang daripada Allah SWT.

## Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas (1995)

Ilmu merupakan ketibaan makna dalam diri seseorang yang menyebabkan perubahan berdasarkan ilmu yang dicapai atau diperoleh.

## Izzudin Taufiq (2006)

Ilmu merupakan penelusuran informasi atau data melalui sebuah pengamatan, pengkajian dan eksperimen, bertujuan menetapkan hakikat, landasan dasar mahupun asal usulnya.

## Ilmu menurut pandangan Islam

Ilmu yang haq adalah ilmu yang dapat memberi manfaat kepada pemiliknya dan orang lain. Melalui ilmu tersebut dapat membersihkan jiwa, menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkaran serta mendekatkan diri kepada Allah.



# Pembahagian Ilmu



## Ilmu Fardu Ain

Suatu kewajipan yang dituntut ke atas setiap individu Muslim yang telah mencapai akil baligh untuk mempelajari, mengetahui, memahami serta mengamalkannya. Contoh ilmu akidah iaitu ilmu yang berkaitan dengan mengenal Allah.

## Ilmu Fardu Kifayah

Ilmu yang perlu diketahui untuk keperluan dan keselesaan hidup di dunia. Tanpa ilmu ini, manusia menempuh kesusahan dan tidak dapat menyempurnakan tuntutan fardu ain seperti mempelajari ilmu perubatan.



### Tahukah anda?


*Sekiranya tidak ada seorang pun dalam sekumpulan orang Islam yang mempelajari ilmu fardu kifayah, maka semua orang dalam kumpulan tersebut berdosa. Contohnya: ilmu dalam menghasilkan produk makanan halal.*



# Sumber-sumber Ilmu Menurut Islam

Teori ilmu pengetahuan atau epistemologi tidak dapat lari daripada perbincangan tentang sumber-sumber ilmu. Secara umumnya, sumber ilmu pengetahuan diperoleh melalui wahyu, pancaindera, akal, naluri, kepintaran dan intuisi atau ilham.


Seperti yang diketahui, sumber ilmu dalam Islam mempunyai hierarki berdasarkan keutamaannya. Wahyu merupakan sumber ilmu pengetahuan yang bersumber daripada Allah SWT berada di kedudukan tertinggi dan utama berbanding sumber ilmu yang lain.




Rajah 1: Sumber-sumber ilmu menurut Islam




*Kesempurnaan manusia terletak pada akal fikirannya.*





# Matlamat Menuntut Ilmu



# Kelebihan Orang yang Berilmu

## Mendapat derajat di sisi Allah SWT



Allah SWT meninggikan derajat orang yang berilmu sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:


*"...Allah meninggikan derajat orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu)- beberapa derajat."*

## Ilmu warisan para nabi

Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan harta kekayaan kepada umat manusia tetapi mewariskan ilmu untuk dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan.



## Dihormati oleh masyarakat



Orang yang berilmu akan dihormati dan dipandang mulia oleh masyarakat. Bahkan kedudukan mereka tidak sama dengan orang yang jahil atau tidak berilmu.

## Takut dan bertakwa kepada Allah SWT

Orang yang berilmu dapat melaksanakan ibadah dan mengikuti ajaran Islam dengan lebih sempurna. Mereka juga akan takut untuk melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran Surah Fathir ayat 28.



# 2.0 ISLAM DAN ASAS SYARIAH

## 2.2

### Aplikasi Asas Syariah

#### Ibadah


- Pengertian ibadah
- Pembahagian ibadah
- Syarat-syarat bagi sesuatu amalan (adat) menjadi ibadah

#### Muamalat

- Pengertian muamalat
- Matlamat muamalat
- Syarat-syarat sah muamalat
- Perbezaan sistem muamalat Islam & konvensional
- Konsep syariah dalam perbankan Islam



# IBADAH



Ibadah dari segi **bahasa** bermaksud merendah diri, patuh, taat, tunduk, menyembah dan memperhambakan diri pada sesuatu.

Dari segi **istilah** pula, ibadah bermaksud tindakan menurut dan mengikat diri dengan sepenuhnya kepada segala perkara yang disyariatkan oleh Allah dan diseru oleh para rasul.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.*

(Surah Al-Zariyat: 56)

*Sila imbas artikel  
Ibadah Membina  
Insan Berkualiti*



## PEMBAHAGIAN IBADAH

Ulama membahagikan ibadah kepada dua bahagian iaitu ibadah khusus dan ibadah umum.

### Ibadah Khusus

Segala amalan yang telah diperintahkan secara khusus.  
Contoh:

- Solat lima waktu
- Berpuasa pada bulan Ramadan
- Haji & umrah
- Ibadah korban

### Ibadah Umum

Segala kegiatan manusia yang tunduk kepada hukum dan nilai agama Islam. Contoh:

- Membuang halangan di jalan
- Belajar
- Menunaikan hak jiran

## SYARAT-SYARAT BAGI SESUATU AMALAN (ADAT) MENJADI IBADAH



Amalan yang dikerjakan itu hendaklah diakui Islam dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum syariat.



Dikerjakan dengan niat yang baik dan diredai Allah SWT.



Sesuatu amalan itu dilakukan dengan seelok-eloknya.




Sentiasa menurut hukum syariat seperti tidak menzalimi orang lain dan tidak khianat.



Tidak lalai daripada menjalankan kewajipan ibadat yang khusus ketika mengerjakan amalan dunia.



# DEFINISI MUAMALAT



Perkataan “muamalat” merujuk kepada urusan kehidupan manusia yang berkaitan dengan kegiatan harian dalam semua bidang sama ada dalam bidang ekonomi ataupun sosial.

Namun, muamalat yang dimaksudkan di sini ialah muamalat dalam bidang ekonomi seperti jual beli, sewa–menyewa, perbankan Islam dan takaful.

## Matlamat Muamalat

1

Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera tiada persengketaan dan ketidakadilan.

2

Menghindarkan berlakunya penindasan, penipuan dan penganiayaan sesama manusia.

3

Melahirkan manusia yang berakhlak mulia dalam menjalankan amanah daripada Allah SWT.

4

Memudahkan manusia menikmati kurniaan Allah dengan cara yang betul dan diredai-Nya.

5

Menggalakkan manusia supaya rajin bekerja untuk meningkatkan taraf hidup keluarga, masyarakat dan negara.

# Syarat-syarat

## Sah

### MUAMALAT

Persetujuan kedua-dua belah pihak yang melakukan muamalat.

Kedua-dua pihak sempurna akal.



Sila imbas  
Perkara Haram  
Dalam Perniagaan



Barangan yang diniagakan milik sah penjual.

**DISKAUN  
SEHINGGA 50%**

Tiada unsur gharar (ketidakpastian), maisir (perjudian) dan riba dalam transaksi.



# MUAMALAT




## Perbezaan Muamalat Islam & Konvensional

MUAMALAT ISLAM	MUAMALAT KONVENSIONAL
Berpandukan wahyu Allah SWT	Rujukan daripada pemikiran dan pengalaman manusia
Pelaksanaan sistem & segala transaksi berpandukan iman dan takwa	Tidak dipandu dengan iman dan takwa
Keuntungan diperolehi daripada kontrak jual beli dan perkongsian untung rugi	Mengaut keuntungan melalui pelbagai cara tanpa mempedulikan halal atau haram
Tiada unsur penindasan dan penganiayaan	Berasaskan unsur penindasan dan penganiayaan
Harta sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT	Harta merupakan matlamat hidup

# MUAMALAT



Sila imbas video  
What Is Takaful



*Konsep Syariah  
dalam  
Perbankan Islam*

**Aktiviti:**  
Pelajar dikehendaki mencari maklumat berkaitan produk perbankan yang terdapat di atas.



# 2.0 ISLAM DAN ASAS SYARIAH

## 2.2


### Aplikasi Asas Syariah

#### Munakahat

- Pengertian Nikah
- Rukun Nikah
- Hukum Perkahwinan
- Mas Kahwin (Mahar)
- Dasar Pemilihan Jodoh
- Perempuan yang Haram Dikahwini
- Peminangan (*al-Khitbah*)
- Kepentingan Institusi Keluarga

#### Jenayah

- Pengertian
- Hukum dan Dalil
- Jenis Hukum Jenayah



# Munakahat

Munakahat ialah topik berkaitan kekeluargaan yang bermula dengan pernikahan atau perkahwinan. Perkahwinan adalah satu sunnah yang amat digalakkan dalam Islam. Ia bertujuan untuk melengkapai fitrah manusia untuk hidup secara berpasangan dengan cara yang halal dan dibenarkan syarak.

## Pengertian Nikah

Nikah dari segi fiqh bermaksud akad yang dilakukan untuk mengharuskan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan dengan menggunakan lafaz nikah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

(Surah al-Rum: 21)

## Rukun Nikah

1. Suami
2. Isteri
3. Wali
4. Dua orang saksi
5. Ijab dan kabul



# Munakahat

## Hukum Nikah

### HARUS

- ✓ Hukum asal perkahwinan.
- ✓ Tiada tuntutan mendesak untuk berkahwin dan tidak ada perkara yang mengharamkannya.

### SUNAT

- ✓ Mempunyai keinginan untuk berkahwin.
- ✓ Mampu memenuhi kewajipan rumah tangga.

### WAJIB

- ✓ Sekiranya berkahwin menjadi satu-satunya cara untuk menghindari perbuatan zina dan maksiat.
- ✓ Mempunyai kemampuan menanggung mas kahwin serta mampu menyempurnakan kewajipan nafkah zahir dan batin.

### MAKRUH

- ✓ Tidak mampu memberikan nafkah zahir dan batin.
- ✓ Sekiranya berkahwin akan menyusahkan serta menzalimi isterinya.
- ✓ Keadaan yang terlalu tua dan berpenyakit.

### HARAM

- ✓ Tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin.
- ✓ Yakin akan berlaku zalim kepada isterinya serta mendatangkan mudarat.
- ✓ Tidak mampu menunaikan hak-hak perkahwinan.

# Munakahat

## Mas Kahwin

Mas kahwin atau mahar merupakan pemberian suami kepada isteri setelah termeterai akad ijab dan kabul.

Pemberian tersebut boleh berupa wang tunai atau sebarang bentuk yang mempunyai nilai faedah yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri dengan sebab akad nikah. Islam tidak menetapkan kadar tertentu dalam pemberian mahar namun panduan agama mengajar kita agar urusan mahar dipermudahkan iaitu tidak membebankan.

Mas kahwin terbahagi kepada dua jenis iaitu:

1. Mahar al-Mithil
2. Mahar al-Musamma

### ***Mahar al-Mithil***

Mas kahwin yang tidak ditentukan kadarnya tetapi dibandingkan dengan mas kahwin yang pernah diterima oleh keluarga isteri.

### ***Mahar al-Musamma***

Mas kahwin yang ditentukan kadarnya mengikut persetujuan kedua-dua pihak sama ada disebut semasa akad atau tidak.



# Munakahat

## Dasar Pemilihan Jodoh

Islam telah menggariskan panduan tertentu dalam pemilihan jodoh bagi menjamin kebahagiaan rumah tangga. Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

*“Dinikahi perempuan itu kerana empat perkara; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka pilihlah yang beragama maka beruntunglah kamu.”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Panduan Rasulullah SAW jelas dalam memilih calon pasangan iaitu yang beragama sebagai keutamaan sebelum kriteria-kriteria yang lain. Begitu juga bagi wali dalam memilih calon suami untuk anak perempuannya haruslah mengutamakan agama dan akhlak lelaki tersebut.

Ini kerana pemilihan calon yang tidak memenuhi kriteria yang digariskan oleh agama akan memberi kesan kepada institusi perkahwinan itu sendiri terutamanya ibu yang bakal melahirkan zuriat bagi suami seterusnya berperanan dalam mengasuh dan mendidik anak-anak.



# Munakahat

## Pemilihan Calon Isteri & Suami

01

Taat kepada perintah agama.

02

Rupa paras yang menyenangkan.

03

Keturunan yang baik dan ramai anak.

04

Sihat tubuh badan dan bebas daripada penyakit yang berat.

05

Sekufu atau setaraf dalam beberapa aspek seperti agama, pendidikan dan lain-lain.

06

Bertanggungjawab.



## Dalil al-Quran

“(Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih dari (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang-orang (yang jahat); mereka (yang baik) itu akan beroleh pengampunan (dari Allah) dan pengurniaan yang mulia.”

(Surah al-Nur: 26)

# Munakahat

## Perempuan yang haram dikahwini

Perempuan yang haram dikahwini oleh lelaki telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 23. Berikut merupakan golongan perempuan yang haram untuk dinikahi dan golongan ini dibahagikan kepada dua iaitu haram untuk selamanya dan haram untuk sementara waktu.

### Haram untuk selamanya

#### Hubungan Keturunan

- ▶ Ibu, nenek hingga ke atas.
- ▶ Anak, cucu dan seterusnya ke bawah.
- ▶ Saudara perempuan (adik-beradik) seibu sebapa atau sebapa atau seibu.
- ▶ Emak saudara sebelah bapa atau ibu hingga ke atas.
- ▶ Anak saudara daripada saudara lelaki atau perempuan hingga ke bawah.

#### Hubungan Penyusuan

- ▶ Ibu yang menyusukan hingga ke atas.
- ▶ Saudara perempuan sepersusuan.
- ▶ Anak saudara perempuan sepersusuan sebelah saudara lelaki atau sebelah saudara perempuan.
- ▶ Emak saudara sepersusuan sebelah bapa atau ibu.
- ▶ Perempuan yang pernah menyusu dengan isteri.

#### Hubungan Perkahwinan

- ▶ Ibu tiri dan ke atas.
- ▶ Ibu mertua dan ke atas sama ada daripada keturunan atau penyusuan.
- ▶ Menantu perempuan (isteri anak dan isteri cucu) hingga ke bawah.
- ▶ Anak tiri dan ke bawah dengan syarat sudah disetubuhi ibunya.



# Munakahat

## Haram untuk sementara waktu



Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Fasal 9 dan Enakmen-enakmen negeri yang lain pengharaman tersebut merangkumi sebab nasab, sebab pertalian perkahwinan, sebab sesusuan, sebab kafir, sebab isteri orang dan lain-lain yang tidak memenuhi syarat sah perkahwinan.



# Munakahat

## Peminangan (al-Khitbah)

Peminangan ialah proses seorang lelaki atau wakilnya menzahirkan keinginan untuk memperisterikan seorang wanita dengan cara memberitahunya atau memberitahu kepada walinya.

Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam ‘iddah) atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka).”*

(Surah al-Baqarah: 235)

## Bahagian yang harus dilihat

Islam mengharuskan seorang lelaki melihat muka dan kedua-dua belah tapak tangan wanita yang akan dipinangnya supaya berpuas hati dengan pilihan yang dibuat.

## Syarat-syarat peminangan

1. Bukan isteri orang
2. Bukan wanita yang haram dikahwini.
3. Bukan wanita yang sedang berada dalam iddah.
4. Bukan tunang orang.



# Munakahat

## Keperntingan Institusi Keluarga

Pembinaan keluarga dalam Islam perlu didasari dengan ilmu sebagai persediaan sebelum perkahwinan, semasa akad dan terikat dengan hukum hakam keluarga Islam. Hal ini penting bagi menjamin sesuatu ikatan perkahwinan yang dibina sentiasa utuh dan diredai oleh Allah SWT. Melalui perkahwinan, suami dan isteri mempunyai tanggungjawab dan hak bagi memelihara kerukunan rumah tangga.

### Tanggungjawab suami

- ▶ Memberikan mas kahwin
- ▶ Menyediakan nafkah; makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut kemampuan.
- ▶ Pergaulan yang baik dengan isteri dan ahli keluarga.
- ▶ Mendidik isteri dengan kefahaman agama.

### Tanggungjawab isteri

- ▶ Mentaati suami dalam perkara yang disyariatkan.
- ▶ Tidak membenarkan orang lain memasuki rumah tanpa kebenaran.
- ▶ Menjaga maruah suami
- ▶ Memelihara harta benda suami dan mengurus kewangan rumah tangga dengan bijak.



# Munakahat

## Tanggungjawab bersama



- ▶ Memberi kasih sayang dan mendidik anak-anak dengan akhlak Islam.

- ▶ Saling membantu menguruskan rumahtangga; memasak, membasuh, mengemas dan lain-lain.



- ▶ Menghormati persemendaan dan hubungan kekeluargaan.

- ▶ Menjaga kerahsiaan rumah tangga.



“

*Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.*

*Maka perempuan-perempuan yang salih itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya.*

”

—— (Surah An-Nisa' : 34)



# JENAYAH

Jenayah menurut Islam bermaksud segala anasir-anasir yang menggugat lima perkara utama iaitu menggugat agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, harta benda dan keturunan.

Menurut al-Mawardi undang-undang jenayah Islam ialah pelanggaran hukum syarak sama ada melakukan yang haram atau meninggalkan yang wajib tanpa alasan syarak yang Allah SWT mencegahnya melalui hukuman had atau takzir.

## *Dalil al-Quran*

*“...dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”*

(Surah al-Maaidah: 45)



## JENIS HUKUM JENAYAH

Islam menetapkan hukum bagi perbuatan jenayah adalah untuk memelihara segala bentuk perbuatan atau kesalahan yang melibatkan jenayah. Jenis hukum jenayah menurut Islam ialah:

### Hudud

Hudud (Bahasa Arab: حدود Ḥudūd; tunggal: hadd, حد, bererti harfiah "had" atau "batasan") merupakan konsep hukuman dalam Islam yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak.


Qisas bermaksud hukuman balas bagi kesalahan membunuh atau mencederakan mengikut jenis kesalahan yang dilakukannya.

### Qisas

### Takzir

Para fuqaha' mentakrifkan takzir sebagai satu hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak.

## 1. Hudud



Kadar hukuman bagi setiap kesalahan hudud adalah mandatori dan tidak boleh dipinda sama ada ditambah atau dikurang.

## 2. Qisas

### Bahagian Kesalahan Qisas

Qisas  
pembunuhan

Qisas selain  
pembunuhan

Hukuman bagi kesalahan membunuh atau menghilangkan dan mencederakan anggota badan wajib dibalas dengan hukuman qisas mengikut kadar yang sama kecuali mendapat pengampunan dari keluarga si mati atau mangsa.



### 3. Takzir

Takzir ialah hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak. Namun, takzir ialah satu bentuk pelanggaran terhadap hak Allah, iaitu hak awam yang mendatangkan dosa.



**Bahagian  
tentang cara  
dan jenis  
hukuman**

Tidak ditetapkan kadar dan bentuk hukuman oleh syarak terhadap orang yang membuat kesalahan.

Hukuman yang tidak memenuhi syarat bagi kesalahan hudud dan qisas.



# 3.0

# INSTITUSI ISLAM

## 3.1

### INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak.  
Tanggungjawab anak terhadap keluarga & ibu bapa yang telah berusia.  
Konsep kejiwaan dalam Islam.  
Konsep masyarakat majmuk menurut Islam.

## 3.2

### INSTITUSI EKONOMI

Peranan zakat dalam pembangunan Islam.  
Fungsi & peranan perbankan Islam, takaful & ar-rahnu.

## 3.3

### INSTITUSI PENDIDIKAN

Fungsi & peranan masjid, pondok dan universiti.

## 3.4

### INSTITUSI SIASAH

Fungsi & peranan institusi khilafah/ imamah, syura & hisbah.

Disediakan oleh:  
Norhafizah binti Mohd Ghazali  
Jabatan Pengajian Am, PTSS

# INSTITUSI KELUARGA DAN MASYARAKAT

- Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak.
- Tanggungjawab anak terhadap keluarga & ibu bapa yang telah berusia.
- Konsep kejiwaan dalam Islam.
- Konsep masyarakat majmuk menurut Islam.



## *TANGGUNGJAWAB IBUBAPA TERHADAP ANAK*

- Menyediakan keperluan anak-anak.
- Memberi kasih sayang.
- Jaminan keselamatan.
- Pendidikan sosial.
- Mengimbangi harapan anak.
- Menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak.

## *TANGGUNGJAWAB ANAK TERHADAP KELUARGA DAN IBU BAPA YANG TELAH BERUSIA*

- Menjaga & berbuat baik terhadap kedua ibu bapa.
- Berkata mulia & bersopan santun serta tidak meninggikan suara.
- Membantu mereka dari sudut kemampuan setakat yang mampu terutama ibu bapa yang tiada pendapatan.
- Taat & tidak sesekali menderhakai mereka.
- Sentiasa berdoa untuk mereka.



## *TANGGUNGJAWAB SELEPAS KEMATIAN IBU BAPA*

- Tunaikan hutang-hutang yang wajib seperti puasa, haji, nazar dan lain-lain.
- Langsaikan hutang-hutang ibu bapa kepada manusia setakat yang mampu.
- Sentiasa berdoa untuk mereka.
- Menziarahi sahabat-sahabat mereka.
- Bersedekah untuk mereka.
- Tunaikan & penuhi wasiat-wasiat ibu bapa yang telah pergi dengan baik.

# KONSEP KEJIRANAN DALAM ISLAM

- Jiran ditakrifkan sebagai orang yang tinggal paling hampir dengan tempat kediaman kita.
- Dari segi istilah, jiran adalah orang yang tinggal bersebelahan dengan rumah, bersebelahan kampung, daerah malahan lebih besar daripada itu iaitu jiran yang bersebelahan dengan negara.
- Jiran juga bermaksud ahli-ahli 40 buah rumah setiap penjuru yang mengelilingi rumah individu.



## Tanggungjawab Jiran

- Sentiasa berbuat baik kepada jiran.
- Menahan diri dari berbuat jahat dan membahayakan jiran.
- Sentiasa mengamalkan konsep muafakat, tolak ansur dan membina persefahaman supaya dapat mewujudkan kawasan kejiranan yang harmoni serta bersatu padu.
- Saling tolong-menolong dalam urusan kebajikan dan perkara-perkara yang baik. Contohnya, galakan untuk turut serta melibatkan diri jika di kawasan kejiranan menganjurkan gotong-royong atau majlis-majlis keraian.

## Cara Berbuat Baik Terhadap Jiran

- Menzahirkan rasa bahagia apabila jiran mendapat rezeki yang mencurah.
- Bersimpati jika jiran mendapat perkhabaran yang buruk atau musibah.
- Saling bantu-membantu apabila memerlukan pertolongan walaupun tidak dipinta.
- Bersangka baik terhadap jiran dan menjauhi sikap prasangka.
- Menzahirkan kasih sayang sesama jiran dengan cara saling bertukar-tukar hadiah.
- Jika diperlakukan buruk oleh jiran, janganlah membalas keburukan tersebut dengan keburukan yang lain.



# KONSEP MASYARAKAT MAJMUK MENURUT ISLAM



**M**asyarakat majmuk ialah masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum (suku bangsa) atau bangsa.

## *Toleransi dan had dalam masyarakat majmuk*

- **Memberi dan menerima hadiah:** Rasulullah melayan jiran ahli kitab dengan baik dan sering memberi hadiah serta menerima hadiah.
- **Urusan pekerjaan:** Rasulullah pernah menggunakan perkhidmatan pertanian yang ditawarkan oleh Yahudi Bani Khaybar ketika di Madinah.

- **Memelihara nyawa:** Muslim seharusnya melindungi bukan Muslim yang tinggal bersama dengan mereka.
- **Berkelakuan baik:** Konsep asas interaksi antara Muslim dengan bukan Muslim.
- **Hormat menghormati:** Rasulullah pernah bangun apabila jenazah seorang Yahudi lalu di hadapan baginda. Apatah lagi hormati yang masih hidup.
- **Menziarahi ketika sakit:** Rasulullah menziarahi bapa saudaranya Abu Talib yang masih lagi kafir ketika beliau sakit.

Rasulullah SAW menggubal Piagam Madinah untuk menguruskan masyarakat majmuk di Madinah.

Kebijaksanaan pemerintah sangat perlu dalam menguruskan kaum mahupun agama dalam masyarakat majmuk.

Tidak menjadi kesalahan mengadakan hubungan baik dengan orang bukan Islam dengan syarat mereka tidak mengancam Islam dan umatnya.

## *Faktor timbul konflik & ancaman*

- Perbezaan unsur kebudayaan dari segi agama, bahasa dan adat menjadi konflik apabila sensitiviti disentuh atau dipersoal.
- Jarak sosial akibat kurang interaksi, salah faham apabila bahasa kurang difahami.
- Perbezaan tempat tinggal dan pekerjaan menyebabkan kurang interaksi.
- Wujud kekeliruan tentang sesuatu isu menyebabkan timbul salah faham.
- Enggan memberi ruang dunia sosial kepada orang lain kerana bimbang bangsa tercemar.
- Dominasi kaum dalam sesuatu bidang menyebabkan jurang antara kaum.



The background features a golden geometric pattern of various star shapes in the upper left and center. Below this, a silhouette of a mosque with multiple domes and minarets is visible against a light, hazy sky. The bottom of the page is decorated with a soft, purple and blue watercolor-like wash.

# INSTITUSI EKONOMI

- Peranan zakat dalam pembangunan Islam.
- Fungsi & peranan perbankan Islam.
- Fungsi & peranan takaful.
- Fungsi dan peranan ar-rahnu.

# Peranan zakat dalam pembangunan Islam

Zakat amat penting pada institusi baitulmal kerana peranannya sebagai mekanisme jaminan sosial pemerintah terhadap rakyat dalam sesebuah negara.

Zakat bukan sahaja dapat meningkatkan ketakwaan dan spiritual masyarakat terhadap Yang Maha Esa tetapi juga meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah.



## Zakat membasmi kemiskinan

- Zakat menjadi salah satu sumber kewangan dalam usaha membasmi kadar kemiskinan kepada orang Islam.
- Zakat dapat membantu memenuhi keperluan asas seseorang sekali gus memenuhi keperluan maqasid syariah di dalam masyarakat.
- Zakat memindahkan sebahagian harta orang kaya kepada orang yang miskin dan fakir.
- Jika zakat diagihkan dengan cara yang betul, nescaya tidak ada lagi orang miskin.

## Zakat mengerat silaturrahim

- Zakat dapat mengeratkan hubungan antara orang kaya dan orang miskin.
- Hubungan masyarakat antara daerah, negeri malah negara akan dapat diertatkan melalui agihan zakat.



## Zakat membangun ekonomi Islam

- Zakat sebagai instrumen semula jadi Islam boleh berperanan sebagai pemangkin kepada kebangkitan ekonomi negara.
- Pelaksanaan zakat dapat meningkatkan sistem ekonomi setiap negeri.
- Zakat dapat membantu para peniaga menyelesaikan hutang atau memberi modal pinjaman tanpa ada riba.

# PERBANKAN ISLAM



## OBJEKTIF PENUBUHAN PERBANKAN ISLAM

- Faktor tuntutan agama.
- Faktor keuntungan.

## INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

- 1969 - Penubuhan Tabung Haji.
- 1983 - Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad.
- 1993 - Penubuhan bank-bank konvensional yang menawarkan jendela Islamik.
- 2003 - Kemasukan bank-bank asing.



## FUNGSI DAN PERANAN PERBANKAN ISLAM



- Segala urusan perbankan Islam dipantau oleh Ahli/ Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Audit Syariah.
- Melaksanakan transaksi yang mematuhi kehendak syariah.
- Memperoleh keuntungan dengan cara yang tidak bercanggah dengan Islam.
- Hubungan pihak bank dan pelanggan terbentuk daripada transaksi jual beli, pelaburan atau perkongsian untung/ rugi.
- Caj lambat bayar dikenakan berdasarkan kos sebenar atau 1% sepertimana digariskan BNM (gantirugi/ ta'widh).
- Terlibat dalam pembayaran zakat yang merupakan tanggungjawab sosial pihak perbankan Islam.
- Gerakan dakwah Islamiah kepada masyarakat contohnya memberikan kesedaran tentang pengharaman riba dan penyelidikan tentang muamalat Islam.
- Sistem kewangan Islam yang berteraskan akad yang telah dipersetujui oleh syarak seperti Bai' Bithamin Ajil, Wadi'ah, Mudarabah, Musyarakah dan sebagainya.

# Fungsi & Peranan TAKAFUL

## ✓ MAKSUD TAKAFUL

Takaful merupakan salah satu konsep insurans yang berasaskan muamalat Islam yang berlandaskan hukum syariah.

## ✓ MANFAAT TAKAFUL

Kematian, kematian kemalangan, kematian sakit kritikal, penyakit kritikal, lumpuh kekal & cacat kekal, elaun hospital kerajaan/ swasta, hibah takaful dan ada nilai tunai.

## ✓ KONSEP ASAS TAKAFUL

- Berdasarkan kontrak tabarru' (derma & sumbangan).
- Berteraskan konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan & saling membantu dalam kalangan para pesertanya.

## ✓ FUNGSI UTAMA TAKAFUL

- **Perlindungan pendapatan** - Pampasan takaful boleh digunakan sewaktu dilanda musibah.
- **Pengekalan aset** - Apabila ditimpa musibah, aset-aset tidak perlu dicairkan.
- **Penyelesaian hutang** - Pampasan boleh digunakan untuk membayar hutang piutang.



**Peserta takaful berkongsi risiko bersama.**

**Wang sumbangan takaful dilaburkan di platform patuh syariah.**

**Takaful bebas unsur riba, gharar dan maisir (judi).**

**Takaful diawasi di bawah undang-undang syariah dan kerajaan.**

# Fungsi & Peranan AR-RAHNU

## APA MAKSUD AR-RAHNU?

Dalam Bahasa Arab, ar-rahnu atau gadaian bermaksud menahan. Dari sudut istilah syarak pula merujuk kepada kontrak gadaian yang bermaksud menjadikan sesuatu barang yang bernilai sebagai cagaran kepada hutang dan akan digunakan untuk melangsaikan hutang jika hutang tersebut tidak dapat dibayar.

Konsep-konsep Islam dalam sistem ar-rahnu:

- Qardhul Hasan - Tiada unsur riba. Peminjam membayar hanya jumlah yang dipinjamnya.
- Wadi'ah Yadhomanah - Sistem simpanan yang membolehkan seseorang menyimpan dengan selamat. Penggadai mempercayai pemajak untuk menjaga barang gadaian sepanjang tempoh gadaian.
- Al-Ujrah - Upah simpanan yang dikenakan oleh pemajak kepada penggadai secara adil dan wajar. Pemajak dipertanggungjawabkan mengganti barang yang hilang/ dicuri kepada penggadai jika gagal mematuhi perjanjian.



## DI MANA BOLEH DAPATKAN AR-RAHNU?

- Bank - Bank Rakyat, Agrobank, Bank Muamalat, Bank Islam.
- Institusi lain - Pos Malaysia Ar-Rahnu, Koperasi Tentera, YAPEIM, Permodalan Kelantan Berhad, Tekun Nasional, Ar-Rahnu X'Change



## APAKAH KELEBIHAN AR-RAHNU?

- Tiada faedah (riba) yang terlibat - Hanya yuran penyimpanan seperti yang dipersetujui dalam perjanjian akan dikenakan pada barang yang dicagarkan.
- Barang gadaian akan berada dalam keadaan yang sama seperti sebelumnya - Apabila barang gadaian ditebus, tidak akan berlaku masalah seperti rantai emas lebih pendek atau lebih ringan, di mana kadang-kadang boleh berlaku pada kedai pajak gadai konvensional.
- Notis Lelong - Jika peminjam tidak dapat membayar balik hutang, mereka akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum barang pajak gadai mereka dilelong.
- Lebihan akan dikembalikan - Jika harga jualan melebihi baki hutang, lebihan tersebut akan dikembalikan kepada peminjam.
- Nilai pajak gadai yang munasabah - Walaupun Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 tidak menetapkan nilai tara atau kriteria untuk menilai barang gadaian, peminjam masih boleh mengharapkan nilai pajak gadai yang munasabah daripada ejen Ar-Rahnu.


# INSTITUSI PENDIDIKAN

- Fungsi dan peranan masjid.
- Fungsi dan peranan pondok.
- Fungsi dan peranan universiti.

# FUNGSI & PERANAN MASJID



Masjid ialah sebuah tempat untuk beribadat kepada Allah bagi umat Islam. Masjid pertama dibangunkan di dunia ialah Masjid Quba' pada 8 Rabiul Awwal (23 September 622M) yang dibina di perkampungan Quba'.




## TEMPAT IBADAH

- Umat Islam bersujud dan beribadah kepada Allah.
- Tempat beriktikaf.
- Mengaji/ tadarus al-Quran.



## TEMPAT BELAJAR ILMU ISLAM

- Kelas pengajian al-Quran.
- Kursus umrah dan haji.
- Kelas taranum al-Quran.



## TEMPAT MENYEBAR DAKWAH

- Menganjurkan majlis-majlis ilmu dan pengisian agama.
- Ceramah agama.

## TEMPAT AKTIVITI KEMASYARAKATAN

- Tempat mesyuarat.
- Tempat perlindungan apabila ditimpa bencana dan musibah.
- Tempat aktiviti sukan dan majlis jamuan makan.



## TEMPAT AKAD NIKAH

- Permulaan membina sebuah keluarga di tempat yang suci dan terpelihara.



## PUSAT KEGIATAN EKONOMI

- Aktiviti kebajikan dan sosial.
- Pusat agihan zakat.
- Aktiviti jual beli.



# FUNGSI & PERANAN PONDOK



## PUSAT DIDIKAN

Pondok menjadi tempat asuhan dan didikan agama secara tradisional.

1

## KUKUH AKIDAH

Pondok merupakan institusi pendidikan yang mempertahankan akidah dan akhlak Islam.

2

## TOKOH

Pondok menjadi tempat menyalurkan ilmu melalui tokoh dan ilmuan yang disegani.

3

## BINA ADAB

Pondok menjadi tempat pembinaan adab, akhlak dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

4

## BENTUK JATI DIRI

Pendidikan di pondok berfungsi untuk membentuk jati diri muslim sejati dan melahirkan generasi ilmuan Islam, ulama dan pendakwah.

5

## SEBAR ILMU

Pondok berfungsi menyebarkan ilmu warisan Islam.

6

**PONDOK** ialah madrasah dan asrama tempat mengaji (belajar agama dan lain-lain).

# FUNGSI & PERANAN UNIVERSITI



Universiti ialah institusi atau pusat pengajian tinggi yang memberikan ilmu dalam pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah dan menganugerahkan pelbagai peringkat ijazah.

## PENDIDIKAN

Pusat pendidikan tinggi yang menyediakan graduan berkemahiran dalam pelbagai bidang serta mempunyai pemikiran kritis dan kreatif.

## PENYELIDIKAN

Pusat penyelidikan saintifik dan penerokaan ilmu pengetahuan serta pembangunan teknologi baharu.

## MODAL INSAN

Melahirkan modal insan dan tenaga kerja berkualiti.  
Membentuk individu bertanggungjawab.

## TARIKAN

Pusat tarikan pelajar antarabangsa dan para penyelidik dari luar negara.

## SUKARELAWAN

Menggalakkan aktiviti khidmat masyarakat dan sukarelawan.



# INSTITUSI SIA SAH



- Fungsi dan peranan Khilafah/ Imamah
- Fungsi dan peranan Syura.
- Fungsi dan peranan Hisbah.



# INSTITUSI SIASAH

## MAKSUD SIASAH

Pengetahuan yang bersangkutan dengan hal-hal kenegaraan seperti pemerintahan dan lain-lain, politik (Kamus Dewan).



## CIRI-CIRI PEMERINTAHAN ISLAM

- Pemerintah yang mentauhidkan Allah.
- Al-Quran dan al-Sunnah dijadikan sebagai sumber rujukan.
- Meletakkan ketaatan kepada Allah dan Rasul dalam setiap elemen pentadbiran.
- Amalan konsep khalifah yang memegang amanah.
- Mengamalkan sistem syura.
- Mengutamakan keadilan, persamaan dan kebebasan.
- Memelihara akhlak.
- Usaha mencapai keredaan Allah dan kejayaan di dunia dan akhirat.





# KHILAFAH/ IMAMAH

## Maksud Khilafah


Khilafah bermaksud penggantian.

## Institusi Khilafah

- Institusi khilafah adalah institusi pemerintahan yang menggantikan Rasulullah.
- Orang yang menduduki institusi khilafah dikenali sebagai khalifah.
- Khalifah pertama yang dilantik selepas Rasulullah adalah Saidina Abu Bakar.

## Pelantikan Khalifah

Khalifah dilantik sama ada melalui persetujuan orang ramai atau cadangan khalifah sebelumnya atau secara syura.




## PERANAN KHALIFAH

- Melaksanakan amanah mentadbir, mengurus dan memakmurkan bumi dengan sebaik mungkin berlandaskan syariat Islam.
- Mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian.
- Melaksanakan konsep amar makruf nahi munkar.
- Memelihara kebajikan ahli masyarakat.
- Mencontohi peribadi dan kehidupan Rasulullah.
- Berlaku adil dan tidak menzalimi mana-mana pihak.
- Tidak rakus dan berhati-hati dalam menikmati alam yang merupakan amanah.
- Mengkaji alam untuk kebaikan dan mengenal Allah.

## Imamah

- Imamah bermaksud kepemimpinan.
- Institusi imamah bermaksud institusi kepemimpinan.
- Orang yang memimpin dikenali sebagai imam.
- Terdapat dua pembahagian iaitu imamah dalam solat dan imamah dalam pemerintahan.
- Khalifah juga merupakan imam.



# FUNGSI & PERANAN

## SYURA

### MAKSUD

Menurut Kamus Dewan syura ialah mesyuarat untuk mencapai keputusan menurut suara terbanyak.

### DEMOKRASI

Ada ilmuan Islam yang berpendapat bahawa syura dan demokrasi adalah sama.

### CIRI-CIRI AHLI SYURA

Adil, luas ilmu pengetahuan, sentiasa berhikmah, akal cerdas, fizikal cergas dan mahir dalam semua bidang.

### FUNGSI & PERANAN

- Memilih, melantik dan melucutkan jawatan.
- Penasihat dalam kepimpinan Islam.
- Membuat keputusan bagi permasalahan yang timbul.

### FUNGSI & PERANAN

- Menegakkan dan menyebarkan Islam.
- Mendekatkan rakyat dengan pemerintah.
- Membentuk akhlak mulia dalam kepimpinan.



## Maksud

Perkataan hisbah berasal dari Bahasa Arab hasaba yang bermaksud meneliti, mentadbir, meninjau, menghitung, menyelaraskan.

## Institusi

Hisbah adalah institusi yang menjaga & mengawasi kemaslahatan umum masyarakat Islam termasuk kegiatan politik, sosial dan ekonomi.

## Pengawasan

Ilmuan Islam mendefinisikan hisbah sebagai badan pengawasan kegiatan yang berkaitan dengan akhlak, agama dan ekonomi.



# FUNGSI & PERANAN HISBAH

## Peranan

Hisbah bertanggungjawab memastikan setiap pekerjaan adalah mengikut lunas-lunas Islam dengan mengamalkan konsep amar makruf nahi mungkar.

## Muhtasib

Rasulullah mula melantik muhtasib (penguatkuasa) Said bin Amru untuk memantau Pasar Kota Mekah. Ini menunjukkan pentingnya tugas ini.

## Contoh

Contoh badan penguatkuasa yang ada pada masa kini seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, JPJ, KPDNHEP, SPRM, JAKIM dan lain-lain..

SCAN HERE



UJI  
Minda

<https://wordwall.net/resource/113143670>

# 4.0

# ISLAM DAN CABARAN SEMASA

Disediakan oleh:  
Roshadah binti Abu Bakar  
Jabatan Pengajian Am  
PTSS





## **4.1 Gejala Keruntuhan Akhlak**

**4.1.1 Gejala sosial dalam kalangan remaja**

**4.1.2 Punca berlaku masalah keruntuhan akhlak**

**4.1.3 Cabaran kepada masyarakat**

**4.1.4 Cara mengatasi gejala keruntuhan akhlak**

# Keruntuhan akhlak



Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat masa kini semakin membimbangkan. Dapatan kes salah laku yang melibatkan remaja semakin meningkat yang mampu memberi kesan kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

Terdapat pelbagai kes yang berlaku seperti pergaulan bebas, salah laku seksual, lari dari rumah, penagih dadah, lumba haram dan sebagainya. Isu ini perlu diatasi dengan kerjasama semua pihak bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara.


Isu keruntuhan akhlak seperti seks bebas dan perzinaan dilihat semakin berleluasa khususnya dalam kalangan remaja. Hasil kajian mendapati terdapat banyak perkara yang mendorong remaja masa kini terlibat dengan isu akhlak. Antara faktor utama yang mendorong mereka ialah disebabkan kurangnya didikan agama, kurang perhatian daripada ibu bapa, kemudahan teknologi maklumat yang berleluasa dan pengaruh rakan sebaya (Wan Abdul Fattah et al., 2022).

Hal ini menggambarkan isu gejala keruntuhan akhlak masa kini adalah sangat serius dan perlu kerjasama semua pihak sama ada daripada keluarga, masyarakat dan kerajaan. Pendekatan yang menyeluruh merangkumi semua aspek adalah perlu untuk mengembalikan nilai akhlak agar dapat melahirkan generasi yang beriman dan berakhlak mulia.

# Kes Salah Laku Masa Kini

Antara kes salah laku masa kini adalah:

1. Pergaulan bebas
  2. Salah laku seksual
  3. Pembuangan bayi
  4. Penagihan dadah
  5. Gengsterisme
  6. Vandalisme
1. Pergaulan bebas
    - Terpengaruh dengan budaya hidup liar.
    - Hidup bermatlamatkan keseronokan semata-mata.
  2. Salah laku seksual
    - Hidup berpasangan tanpa ikatan yang sah.
    - Terlibat dalam aktiviti seks bebas, bahkan sampai ke peringkat kehamilan.
    - Bertindak di luar kawalan tanpa memikirkan kesannya.
  3. Pembuangan bayi
    - Hasil hubungan seks bebas tanpa perkahwinan dalam kalangan remaja menyebabkan berlaku kehamilan.
    - Rasa malu dan takut kepada ibu bapa atau masyarakat menyebabkan bayi dibuang.
  4. Penagihan dadah
    - Terpengaruh dengan rakan sebaya.
    - Tekanan hidup dan mempunyai masalah keluarga.
    - Penagih sering mengalami kemurungan dan halusinasi.
    - Sering mengabaikan tanggungjawab dalam keluarga.
  5. Gengsterisme
    - Tindakan menunjukkan kuasa, memeras ugut, membuli atau mencederakan orang lain.
    - Tingkah laku agresif dan ganas dalam bentuk berkumpul.
    - Berkeinginan untuk menunjukkan kuasa dan kehebatan yang dimiliki.
  6. Vandalisme
    - Tindakan merosak dan memusnahkan harta benda awam dengan sengaja.
    - Tindakan meluahkan perasaan marah, tidak puas hati dan kecewa terhadap pihak berkuasa.
    - Bertindak mengikut kepuasan hati.



# Punca Keruntuhan Akhlak

01



## 1. Pengaruh teknologi dan media sosial

- Penyalahgunaan media sosial dengan menyebarkan maklumat yang tidak bermoral, seperti video lucah dan budaya hedonisme.
- Ketagih pada permainan video dan aplikasi hiburan yang melampau sehingga menyebabkan terabai tanggungjawab pada keluarga.

02



## 2. Kurang pendidikan agama dan moral

- Kurang faham terhadap nilai agama sehingga tidak mampu membezakan yang benar dan salah.
- Kurang bimbingan dan perhatian daripada ibu bapa.
- Tiada masa untuk mendalami ilmu agama.

03



## 3. Masalah keluarga

- Kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa.
- Ibu bapa sibuk bekerja dan tiada masa bersama anak-anak.
- Ibu bapa gagal menunjukkan contoh teladan yang baik.
- Masalah dalam perkahwinan ibu bapa.

# Punca Keruntuhan Akhlak

04



## 4. Pengaruh budaya luar

- Budaya barat yang cenderung kepada liberalisme dan kebebasan tanpa batasan menjadi ikutan, khususnya dalam aspek pakaian, hiburan dan pergaulan.
- Menolak budaya dan amalan tradisi tempatan yang sering dikaitkan dengan agama.

05



## 5. Tekanan ekonomi dan sosial

- Masalah kewangan yang menekan hidup.
- Keadaan hidup yang sukar menyebabkan berlakunya masalah jenayah, rasuah dan penyalahgunaan dadah.
- Hidup terasing dan hilang arah tuju.

06



## 6. Sifat ingin tahu

- Keinginan mencuba sesuatu yang baharu tanpa menghiraukan baik atau buruk.
- Mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling.
- Mudah terikut budaya asing.

# CABARAN KEPADA MASYARAKAT

## Kesan kepada generasi muda

- Generasi muda yang rosak akhlaknya menjadi beban kepada masyarakat dan negara.
- Tingkah laku tidak bermoral seperti gengsterisme, penyalahgunaan dadah dan vandalisme akan merosakkan imej generasi muda.

- Perlakuan maksiat dianggap tidak salah sehingga sukar untuk menegakkan nilai akhlak yang baik.
- Terdapat pihak yang mempromosikan gaya hidup bebas atas nama kebebasan individu.

## Masalah maksiat berleluasa

## Kritikan terhadap institusi agama

- Alasan sesetengah pihak menolak hukum agama sebagai panduan hidup kerana kegagalan institusi agama dalam menangani isu akhlak.
- Ada pandangan mengatakan agama hanya menyentuh hal upacara agama sahaja dan tidak mampu menyelesaikan masalah semasa.

- Kemajuan teknologi masa kini menyukarkan kawalan terhadap kandungan digital yang melanggar nilai agama dan budaya.
- Isu globalisasi memudahkan untuk mengakses budaya asing yang bertentangan dengan nilai Islam.

## Cabaran teknologi dan globalisasi



# Langkah Mengatasi Gejala Keruntuhan Akhlak



## Peranan keluarga

- Ibu bapa mesti memainkan peranan aktif dalam mendidik anak-anak dengan akhlak yang baik.
- Anggota keluarga memikul tanggungjawab dalam mengukuhkan nilai akhlak.
- Sebarang masalah diselesaikan bersama.



## Kawalan teknologi dan media masa

- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang terhadap penyebaran kandungan media yang tidak bermoral.
- Masyarakat digalakkan untuk memanfaatkan teknologi masa kini dengan menyebarkan ilmu dan nilai-nilai Islam yang baik kepada umum.



## Pendidikan bersepadu

- Pendidikan agama dan moral perlu diterapkan secara berterusan sama ada di rumah, sekolah dan komuniti.
- Kurikulum pendidikan berkonsepkan Islam harus mengutamakan pembangunan akhlak dan nilai murni.



# Langkah Mengatasi Gejala Keruntuhan Akhlak



Mengukuhkan dakwah dan bimbingan

- Meningkatkan gerakan dakwah yang relevan dan mesra generasi muda.
- Memperluaskan peranan masjid, surau dan organisasi Islam dalam membimbing masyarakat.
- Mempelbagaikan program bimbingan untuk diceburi oleh masyarakat.



Pengukuhan ukhuwah dan sokongan komuniti

- Mewujudkan sistem sokongan komuniti untuk membantu individu yang berhadapan dengan masalah akhlak, seperti khidmat kaunseling dan bimbingan agama.
- Mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang berteraskan nilai Islam.
- Mempelbagaikan aktiviti yang melibatkan komuniti.





## **4.2 Pembangunan Islam Dan Alam Sekitar**

**4.2.1 Konsep pembangunan Islam**

**4.2.2 Matlamat pembangunan Islam**

**&**

**4.2.3 Konsep alam sekitar**

**4.2.4 Matlamat penjagaan alam sekitar**



# PEMBANGUNAN DALAM ISLAM

Pembangunan adalah suatu proses pembaharuan yang mengubah sesuatu secara terancang dalam meningkatkan kualiti hidup insan kepada yang lebih baik sama ada dari segi sosial, politik, budaya, ekonomi dan sebagainya yang berfokuskan kepada keseimbangan dunia dan akhirat.

## Konsep Pembangunan Islam

Konsep pembangunan dalam Islam adalah suatu proses ke arah kesejahteraan hidup dunia dan akhirat yang merangkumi semua aspek kehidupan bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Pembangunan Islam yang berasaskan kehendak dan peraturan agama dalam membangunkan modal insan sama ada dari segi kerohanian dan fizikal yang menepati peraturan Islam.

Antara tujuan pembangunan dalam Islam adalah untuk:

1. Menjaga agama
2. Menjaga jiwa
3. Menjaga akal
4. Menjaga keturunan
5. Menjaga harta



# MATLAMAT PEMBANGUNAN DALAM ISLAM

Matlamat pembangunan dalam Islam adalah ke arah pembangunan yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Islam telah menggariskan tatacara peraturan dalam melaksanakan pembangunan agar mendapat keredaan Allah SWT. Berikut adalah matlamat utama pembangunan dalam Islam:

## 1. Keimanan kepada Allah


- Tauhid adalah asas dalam pembangunan Islam kerana setiap tindakan dan perancangan pembangunan adalah bermula dengan matlamatnya adalah untuk mencapai keredaan Allah SWT.
- Islam menekankan bahawa manusia merupakan khalifah di bumi dan bertanggungjawab atas segala aktiviti pembangunan.

## 2. Kesejahteraan ummah

- Pembangunan dalam Islam bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi dan pendidikan.
- Semua bentuk pembangunan adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat tanpa mengabaikan mana-mana golongan.


## 3. Kecemerlangan dan integriti

- Pembangunan Islam menekankan nilai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan.
- Setiap masyarakat perlu mematuhi peraturan Islam bagi mencapai kecemerlangan.



# MATLAMAT PEMBANGUNAN DALAM ISLAM

4. Kebajikan sosial yang seimbang
  - Pembangunan Islam menitikberatkan keseimbangan dalam pengagihan peluang dan sumber keperluan bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir.
  - Berusaha membasmi kemiskinan dan menghapuskan penindasan serta menjaga hak asasi sesama manusia.
  
5. Seimbang antara dunia dan akhirat
  - Konsep pembangunan Islam bertujuan memberi keseimbangan antara dunia dan akhirat dengan tidak mengabaikan pembangunan material.
  - Kehidupan yang seimbang antara dunia dan akhirat adalah penting untuk mencapai kejayaan yang sebenar.
  
6. Mematuhi Syariah Islam
  - Segala usaha pembangunan harus mematuhi syariat Islam seperti peraturan dan prinsip yang ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah.
  - Hal ini termasuk dalam bidang ekonomi, politik dan pendidikan yang dapat membentuk masyarakat Islam yang lebih berkualiti.



# Pembangunan 03. Alam Sekitar

## Konsep alam sekitar

Pembangunan Alam Sekitar dalam Islam merujuk kepada pendekatan yang holistik dan beretika dalam membangunkan sumber semula jadi serta menjaga keseimbangan ekosistem alam, selaras dengan prinsip dan nilai Islam. Berikut adalah konsep utama pembangunan alam sekitar menurut perspektif Islam:

### 1. **Manusia sebagai Khalifah**

Islam menegaskan bahawa manusia adalah khalifah (penjaga/pemimpin) di muka bumi:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat:  
'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.'"

(Surah al-Baqarah, 2:30)

Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab menjaga, memelihara dan memanfaatkan alam sekitar secara berhemah.

### 2. **Konsep kesempurnaan dan keseimbangan**

Alam ini diciptakan oleh Allah dengan penuh kesempurnaan dan keseimbangan:

"Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (keseimbangan). Supaya kamu jangan melampaui batas dalam neraca itu."

(Surah al-Rahman, 55:7–8)

Oleh itu, pembangunan perlu mengelakkan pencemaran, pembalakan berlebihan, atau apa-apa aktiviti yang menjejaskan keseimbangan semula jadi.



## Konsep alam sekitar

### 3. Pendidikan dan kesedaran tentang alam sekitar

Islam menggalakkan pendidikan tentang kepentingan penjagaan alam, termasuk melalui khutbah, pengajian dan amalan komuniti.



### 4. Memelihara sumber alam semula jadi

Sumber alam seperti air, tanah, udara, haiwan dan tumbuhan adalah nikmat Allah yang perlu dijaga dan digunakan secara lestari:

"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah dari rezeki-Nya."  
(Surah al-Mulk, 67:15)

### 5. Larangan melakukan kerosakan

Islam melarang manusia daripada merosakkan bumi:

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah memperbaikinya."  
(Surah al-A'raf, 7:56)

Ini termasuk pencemaran, pembuangan sisa toksik, pembakaran hutan dan sebagainya.



# Matlamat Pembangunan alam sekitar

Matlamat penjagaan alam sekitar dalam Islam adalah bertujuan untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam bagi memastikan alam sekitar terpelihara dengan sebaiknya demi kesejahteraan hidup manusia dan makhluk lain. Berikut adalah matlamat utama penjagaan alam sekitar menurut Islam:

## 1. Menjalankan amanah sebagai Khalifah

- Manusia dipertanggungjawabkan untuk menjaga bumi sebagai khalifah (pemimpin) yang diberi amanah oleh Allah. Firman Allah dalam al-Quran

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang lalu manusia sanggup memikulnya."

(Surah al-Ahzab, 33:72)

- Memastikan segala sumber alam digunakan secara bijaksana dan tidak disalah guna.

## 2. Menjaga keseimbangan ekosistem

- Alam dicipta dengan sistem yang seimbang. Penjagaan alam bertujuan memelihara keseimbangan agar tidak berlaku kerosakan. Firman Allah dalam al-Quran

"Dan Allah menciptakan keseimbangan supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjaga keseimbangan itu."

(Surah al-Rahman, 55:7-8)

- Mengelak kemusnahan biodiversiti, perubahan iklim dan bencana alam.



### 3. Mencegah kerosakan

- Islam melarang sebarang bentuk kerosakan terhadap alam seperti pencemaran, pembaziran sumber, dan pembalakan haram. Firman Allah dalam al-Quran

"Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi setelah Allah memperbaikinya."

(Surah al-A'raf, 7:56)

- Menjamin kelestarian bumi untuk generasi kini dan akan datang.

### 4. Memelihara hak-hak makhluk lain

- Manusia bukan sahaja berhak hidup di muka bumi tetapi perlulah memastikan hak makhluk lain seperti haiwan, tumbuhan turut dihormati.
- Mengelakkan kepupusan spesies hidupan lain.

### 5. Menjamin keperluan asasi manusia

- Penjagaan alam membantu memastikan sumber seperti air, udara dan makanan kekal bersih dan mencukupi untuk kehidupan manusia.
- Menyokong kesejahteraan fizikal dan kesihatan.

### 6. Menyokong pembangunan moden masa kini

- Islam menyarankan pembangunan yang tidak memusnahkan alam tetapi berteraskan keperluan sebenar dan kesederhanaan.
- Memastikan pembangunan jangka panjang yang stabil dan sejahtera.



# ISU PENCEMARAN ALAM SEKITAR

01

Kemusnahan hutan dan ekosistem alam

02

Pencemaran udara, air dan tanah

03

Perubahan iklim

04

Sampah plastik dan sisa buangan

05

Urbanisasi (perubahan) tanpa perancangan



SCAN HERE




# LANGKAH MENGATASI PENCEMARAN ALAM



- 1. Pendidikan dan kesedaran awam**
  - Kempen kesedaran alam sekitar perlu diperluaskan melalui masjid, sekolah, dan media.
  - Kurikulum pendidikan yang berfokuskan kelestarian alam sekitar harus diperkenalkan.
- 2. Perancangan bandar yang mampan**
  - Meningkatkan perancangan bandar yang mengambil kira kawasan hijau, sistem perparitan yang baik, dan sumber tenaga lestari.
  - Menggalakkan pengangkutan awam dan teknologi hijau untuk mengurangkan pelepasan karbon.
- 3. Penguatkuasaan undang-undang yang tegas**
  - Mengukuhkan undang-undang terhadap aktiviti yang merosakkan alam sekitar seperti pembalakan haram dan pencemaran.
  - Meningkatkan ketelusan dalam projek pembangunan untuk mengelakkan korupsi dan eksploitasi sumber alam.
- 4. Amalan ekonomi hijau**
  - Menggalakkan pelaburan kepada sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti solar dan angin.
  - Membangunkan sektor pertanian organik yang mesra alam dan mampan.
- 5. Kolaborasi di peringkat komuniti dan antarabangsa**
  - Menyertai perjanjian di peringkat antarabangsa seperti Paris Agreement untuk menangani isu perubahan iklim secara global.
  - Melibatkan masyarakat setempat dalam projek pemuliharaan dan penghijauan.





## 4.3 SAINS, TEKNOLOGI DAN ICT (TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI)

- 4.3.1 Definisi & Ciri Sains, Teknologi dan ICT
- 4.3.2 Kepentingan Sains dan Teknologi
- 4.3.3 Sains dan Teknologi Menurut Islam
- 4.3.4 Isu Berkaitan Sains dan Teknologi



# SAINS DAN CIRI-CIRINYA

## Sains



Definisi Sains:

Sains ialah satu bidang ilmu yang melibatkan kajian sistematik tentang alam semula jadi dan fenomena fizikal melalui pemerhatian, eksperimen, dan analisis yang teratur. Tujuannya adalah untuk memahami bagaimana alam semesta berfungsi dan untuk membangunkan pengetahuan yang boleh dipercayai dan boleh diuji.

## Ciri-ciri sains



Ciri-ciri utama sains:

1. Berasaskan bukti – Berdasarkan fakta dan data yang dikumpul secara empirikal.
2. Bersistematik – Menggunakan kaedah saintifik seperti pemerhatian, hipotesis, eksperimen dan kesimpulan.
3. Boleh diuji dan disahkan – Penemuan sains boleh diuji semula oleh orang lain.
4. Sentiasa berkembang – Pengetahuan saintifik sentiasa dikemas kini apabila penemuan baru dibuat.

# TEKNOLOGI DAN CIRI-CIRINYA

## Teknologi

Definisi Teknologi:



Teknologi ialah penggunaan pengetahuan sains untuk mencipta alat, sistem, proses, atau kaedah bagi menyelesaikan masalah dan memudahkan kehidupan manusia.

Contoh mudah: Mesin basuh adalah teknologi yang memudahkan kerja mencuci pakaian.

## Ciri-ciri teknologi

Ciri-ciri Teknologi:



1. Bersifat Praktikal - Dicipta untuk kegunaan sebenar dalam kehidupan harian. Contoh: Aplikasi navigasi (Google Maps) membantu mencari arah.
2. Berubah dan Berkembang - Sentiasa berinovasi dan bertambah baik mengikut keperluan semasa. Contoh: Telefon pintar yang dulunya asas, kini canggih dengan pelbagai fungsi.
3. Meningkatkan Kecekapan - Membantu manusia melakukan kerja dengan lebih cepat, mudah, dan tepat. Contoh: Mesin automasi di kilang meningkatkan pengeluaran.
4. Berteraskan Pengetahuan - Berdasarkan ilmu sains, matematik, dan kejuruteraan. Contoh: Rekaan jambatan memerlukan pengetahuan fizik dan bahan.
5. Menjawab Keperluan Manusia - Direka untuk menyelesaikan masalah atau memenuhi kehendak. Contoh: Teknologi penulenan air membantu kawasan yang kekurangan air bersih.
6. Boleh Diubah Suai - Teknologi boleh dipertingkat atau disesuaikan dengan keadaan tertentu. Contoh: Kerusi roda elektrik yang boleh dikawal melalui telefon pintar.



# TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

## TMK



---

Definisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi:

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau dalam Bahasa Inggeris, Information and Communication Technology (ICT) ialah penggunaan pelbagai teknologi moden untuk mendapat, menyimpan, memproses dan menyampaikan maklumat dengan berkesan dan cepat.

TMK merujuk kepada gabungan perkakasan (hardware), perisian (software), dan rangkaian komunikasi seperti internet yang membolehkan manusia berhubung dan berkongsi sesuatu secara digital.

---

# KEPENTINGAN SAINS DAN TEKNOLOGI



Kepentingan sains dan teknologi dalam pelbagai aspek kehidupan manusia dan pembangunan negara:

1. Menyumbang kepada kemajuan hidup masyarakat
  - Sains dan teknologi mendorong inovasi dan pembangunan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan.
  - Contoh: Penggunaan e-pembelajaran (online learning) dalam pendidikan moden.
2. Meningkatkan produktiviti dan ekonomi
  - Teknologi automasi meningkatkan kecekapan dalam industri dan pertanian, mengurangkan kos, dan menjana pendapatan.
  - Contoh: Penggunaan robot dalam kilang, sistem pertanian pintar.
3. Memajukan bidang kesihatan
  - Sains perubatan dan teknologi moden membolehkan diagnosis awal, rawatan lebih tepat, dan pembedahan berisiko rendah.
  - Contoh: Imbasan MRI, robot pembedahan, teleperubatan.
4. Memudahkan komunikasi dan akses maklumat
  - ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) membolehkan kita berkomunikasi secara pantas dan global.
  - Contoh: E-mel, media sosial, aplikasi pemesejan, carian maklumat segera.
5. Menyokong pendidikan dan penyelidikan
  - Sains menyediakan asas pengetahuan, manakala teknologi menyediakan alat bantu pembelajaran seperti komputer dan internet.
  - Contoh: Makmal maya, pembelajaran jarak jauh.



# SAINS DAN TEKNOLOGI (ICT) MENURUT ISLAM



Menurut Islam, sains, teknologi, dan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) bukan sahaja dibenarkan, malah digalakkan selagi mana ia bertepatan dengan prinsip dan nilai-nilai Islam. Berikut adalah matlamat yang ingin dicapai dalam penggunaan sains teknologi ICT menurut Islam:

*Mentaati segala perintah Allah*

*Mengutamakan nilai kerohanian dalam tindakan*

*Menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah Allah*

*Amanah pada maklumat yang disampaikan*

*Menjaga keharmoniaian alam*

*Tiada kerosakan dan penganiayaan*

*Sentiasa ikhlas dalam tindakan*



# ISU BERKAITAN SAINS DAN TEKNOLOGI SERTA ICT

## 1. Penyebaran maklumat palsu

- Platform media sosial menjadi saluran utama penyebaran maklumat palsu dan propaganda, yang boleh menimbulkan panik dan ketegangan sosial.

## 2. Isu etika dalam sains dan teknologi

- Penyelidikan dalam bidang seperti kecerdasan buatan (AI), bioteknologi, dan pengeditan genetik menimbulkan persoalan etika, seperti penyalahgunaan teknologi dan impaknya terhadap manusia.

## 3. Pengangguran akibat automasi dan AI

- Automasi dan penggunaan AI menggantikan banyak pekerjaan tradisional, menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dalam sektor tertentu.

## 4. Masalah ketagihan dan kesihatan mental

- Ketagihan kepada media sosial, permainan video, dan gajet membawa kepada masalah kesihatan mental seperti tekanan, kemurungan, dan pengasingan sosial.

## 5. Ketidakseimbangan dalam penggunaan teknologi

- Jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, serta antara negara maju dan negara membangun, terus melebar.
- Golongan yang tidak mempunyai akses kepada teknologi dan internet tertinggal dalam arus pembangunan global.
- Ketergantungan terhadap teknologi menyebabkan ramai individu kehilangan kemahiran asas, seperti komunikasi bersemuka dan pemikiran kritis.

## 6. Keselamatan data terancam

- Peningkatan jenayah siber seperti pencurian data peribadi, penipuan dalam talian, dan serangan perisian tebusan.
- Pengguna sering dikompromi oleh aplikasi dan platform yang mengumpul data tanpa kebenaran yang jelas.

# LANGKAH PENYELESAIAN ISU SAINS DAN TEKNOLOGI SERTA ICT

1. Pengukuhan Infrastruktur Teknologi
  - Memperluaskan rangkaian internet berkelajuan tinggi ke kawasan luar bandar untuk memastikan akses yang sama rata kepada teknologi.
  - Menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan infrastruktur ICT.
  - Menggalakkan penggunaan teknologi mesra alam untuk mengurangkan jejak karbon, seperti tenaga boleh diperbaharui dan teknologi rendah tenaga.
  - Menguruskan sisa elektronik dengan lebih efisien melalui kitar semula dan pengurusan sisa mampan.
2. Penguatkuasaan Undang-Undang Siber
  - Mewujudkan undang-undang yang ketat untuk melindungi keselamatan data pengguna.
  - Mengukuhkan kemampuan kerajaan dalam menangani ancaman siber melalui pasukan keselamatan siber yang profesional.
  - Melaksanakan garis panduan dalam pembangunan teknologi seperti AI dan bioteknologi yang menghormati nilai-nilai kemanusiaan dan agama.
  - Melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, para saintis dan ulama' dalam membincangkan isu teknologi kini.
3. Menggalakkan pengeluaran produk inovasi tempatan
  - Memberi insentif kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dalam bidang sains dan teknologi.
  - Menyokong usahawan teknologi melalui pembiayaan dan ekosistem yang kondusif.
4. Memanfaatkan teknologi dalam pendidikan
  - Memperkasa sistem pendidikan dengan kurikulum sains dan teknologi yang relevan dengan keperluan semasa.
  - Menggunakan platform digital untuk menyebarkan ajaran Islam dan nilai moral kepada generasi muda melalui gerak kerja dakwah dan pendidikan agama.
  - Membangunkan aplikasi dan kandungan pendidikan yang bercirikan Islam untuk membimbing pengguna ke arah penggunaan teknologi yang berfaedah.



# 4.4 GLOBALISASI

- 4.4.1 Definisi Globalisasi
- 4.4.2 Ciri-ciri Globalisasi
- 4.4.3 Isu-isu Globalisasi
- 4.4.4 Cabaran Globalisasi





## Definisi Globalisasi

- Globalisasi adalah proses perkembangan hubungan ke peringkat yang lebih luas antara negara, masyarakat, dan ekonomi di seluruh dunia melalui kemajuan teknologi komunikasi, perdagangan, dan pengangkutan.
- Walaupun globalisasi membawa pelbagai manfaat seperti pertumbuhan ekonomi dan pertukaran budaya, ia juga menyebabkan wujud cabaran besar yang memberi kesan kepada identiti, kestabilan sosial, dan kedaulatan sesebuah negara.

# CIRI GLOBALISASI

## Perhubungan manusia tanpa batasan

- Manusia mudah berinteraksi dan bergerak
- Dunia tanpa sempadan

## Kemajuan sains dan teknologi maklumat meningkat

- Penyebaran informasi yang pantas melalui internet
- Penyebaran budaya asing merentas negara

## Wujud penguasaan kuasa di peringkat global

- Negara saling bergantung dalam bidang ekonomi dan teknologi.
- Wujud persaingan dalam pasaran global.

## Pasaran perdagangan antarabangsa meluas

- Urusan jual beli barangan dan perkhidmatan dalam talian.
- Perusahaan besar merentasi negara.



# ISU-ISU GLOBALISASI

## 1. Pengaruh budaya asing

- Penyebaran budaya luar melalui media, hiburan, dan produk global sering kali menyebabkan penghakisan budaya tempatan.
- Generasi muda cenderung mengutamakan budaya barat, seperti gaya hidup bebas dan materialisme, mengabaikan nilai tradisional dan agama.

## 2. Ketidakseimbangan ekonomi

- Negara maju sering mendapat manfaat lebih besar daripada perdagangan global, manakala negara membangun kekal sebagai pengeluar bahan mentah dengan nilai tambah yang rendah.
- Jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin dalam sesebuah negara semakin melebar.

## 3. Eksploitasi tenaga kerja dan sumber alam

- Syarikat multinasional mengeksploitasi buruh murah di negara membangun, dengan menawarkan gaji rendah dan keadaan kerja yang buruk.
- Peningkatan permintaan global menyebabkan eksploitasi sumber alam secara berlebihan, menjejaskan kelestarian alam sekitar.

## 4. Dominasi kuasa besar

- Negara besar atau syarikat global menggunakan kuasa ekonomi dan politik mereka untuk mengawal pasaran global, melemahkan kedaulatan negara kecil.
- Perjanjian perdagangan bebas sering memberi kelebihan kepada negara maju berbanding negara membangun.

## 5. Keselamatan dan jenayah merentas sempadan

- Globalisasi memudahkan aktiviti jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan dadah, pemerdagangan manusia, dan pengubahan wang haram.
- Penganas dan kumpulan ekstremis juga memanfaatkan teknologi global untuk merekrut ahli dan menyebarkan ideologi mereka.

# CABARAN GLOBALISASI

1. Mempertahankan identiti dan nilai tempatan
  - Masyarakat menghadapi cabaran besar dalam mempertahankan nilai budaya, agama dan tradisi dalam arus globalisasi masa kini yang boleh mengancam warisan budaya tempatan.
2. Ketidaksamaan ekonomi global
  - Ketergantungan terhadap pasaran global membuatkan negara membangun terdedah kepada turun naik pasaran ekonomi dunia.
  - Penguasaan syarikat besar menghalang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada bersaing di pasaran antarabangsa.
3. Kedaulatan politik dan undang-undang
  - Tuntutan untuk mematuhi pasaran antarabangsa kadangkala bertentangan dengan dasar dan kepentingan tempatan.
  - Pengaruh kuasa besar melalui organisasi antarabangsa seperti WTO, IMF, dan PBB boleh melemahkan kedaulatan negara kecil.
4. Peningkatan ketidakstabilan sosial
  - Penghijrahan besar-besaran akibat globalisasi boleh menimbulkan isu perkauman dan konflik antara etnik.
  - Ketegangan sosial meningkat apabila rakyat tempatan merasakan pendatang mengambil peluang pekerjaan dan sumber mereka.

# PENDEKATAN ISLAM TERHADAP ISU GLOBALISASI

1. Konsep kesederhanaan
  - Islam menganjurkan pendekatan sederhana dalam menerima elemen luar, memastikan ia selaras dengan nilai agama dan budaya tempatan.
  - Umat Islam perlu memilih elemen globalisasi yang memberi manfaat dan menolak hal yang merosakkan.
2. Konsep ukhuwah Islamiah
  - Globalisasi harus dimanfaatkan untuk memperkukuh perpaduan umat Islam di seluruh dunia, bukan sekadar menyatukan ekonomi tetapi juga solidariti sosial dan spiritual.
3. Sistem ekonomi Islam
  - Sistem ekonomi Islam yang adil dan saksama boleh menjadi alternatif kepada sistem kapitalisme global yang sering mengutamakan keuntungan semata-mata.
  - Konsep zakat, sedekah dan wakaf mampu mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dalam masyarakat global.
4. Pemeliharaan alam sekitar
  - Islam menegaskan tanggungjawab manusia sebagai khalifah untuk menjaga alam sekitar dan menggunakan sumber secara bijaksana.
  - Prinsip ini boleh diterapkan dalam perjanjian antarabangsa berkaitan perubahan iklim dan kelestarian alam.
5. Memperkukuh pendidikan agama
  - Pendidikan Islam perlu digabungkan dengan kemahiran global untuk melahirkan individu yang berdaya saing tanpa mengabaikan nilai agama.
  - Dakwah dalam era globalisasi boleh diperkasakan melalui teknologi dan media.



---

## 4.5 SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

---



- 4.5.1 Fahaman Liberal
- 4.5.2 Ciri-ciri Fahaman Liberal
- 4.5.3 Punca Salah Faham Terhadap Islam
- 4.5.4 Langkah Mengatasi Salah Faham Terhadap Islam

# FAHAMAN LIBERAL



Fahaman liberal adalah satu ideologi aliran pemikiran yang menekankan kebebasan individu, hak asasi manusia, dan pemikiran rasional bebas dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk politik, sosial, ekonomi dan agama.

Salah faham terhadap Islam bukan sahaja memberi kesan negatif kepada umat Islam, tetapi juga menghalang wujudnya keharmonian dalam masyarakat. Pendidikan yang tepat, media yang bertanggungjawab, dan dialog yang berterusan antara agama dapat membantu mengurangkan salah faham ini. Dengan pendekatan yang tepat, Islam dapat dipersembahkan sebagai agama yang membawa rahmat dan kesejahteraan kepada umat manusia, tanpa mengira latar belakang agama atau budaya.

Definisi fahaman liberal :

Liberalisme berasal dari perkataan Latin "liber" yang bermaksud "bebas".

Secara umum, liberalisme memperjuangkan:

- Kebebasan berfikir dan bersuara.
- Kebebasan individu daripada kawalan kerajaan atau agama.
- Kesamarataan hak sesama manusia.
- Pemikiran rasional dan sekularisme yang memisahkan antara agama dan urusan dunia.

# CIRI-CIRI FAHAMAN LIBERAL

Antara ciri utama fahaman liberal adalah:

- Kebebasan Individu - Setiap individu bebas menentukan cara hidup agama masing-masing.
- Penolakan Autoriti Tradisional - Tidak bergantung pada ajaran agama, adat atau budaya lama.
- Sekularisme - Memisahkan urusan agama dari kehidupan dunia.
- Pluralisme Mutlak - Semua pandangan dianggap sama sah, termasuk yang bertentangan dengan agama.

## ISU FAHAMAN LIBERAL

Isu	Fahaman Liberal	Pandangan Islam
<b>Agama</b>	Agama adalah pilihan peribadi boleh ditukar	Islam melarang murtad
<b>Perkahwinan sejenis</b>	Dibenarkan atas nama hak kebebasan individu	Diharamkan dalam Islam
<b>Aurat &amp; pergaulan</b>	Bebas berpakaian dan bergaul	Islam menetapkan batas aurat dan pergaulan
<b>Kebebasan Bersuara</b>	Bebas walaupun menghina agama	Islam membatasi ucapan yang membawa fitnah, hasutan, atau menghina agama

# PUNCA SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

Berikut adalah beberapa salah fahaman terhadap Islam:

1. Kurang pendidikan
  - Sebahagian besar masyarakat tidak mendapat pendedahan yang mendalam mengenai ajaran Islam yang sebenar.
  - Pendidikan yang kurang mengakibatkan salah faham terhadap ajaran Islam seperti konsep syariah, jihad dan sebagainya.
  - Ajaran Islam disampaikan oleh golongan yang tidak menguasai ilmu Islam secara menyeluruh, menyebabkan penafsiran yang tidak tepat dan mengelirukan.
2. Penyebaran maklumat palsu di media sosial
  - Penyebaran maklumat palsu dan propaganda anti-Islam semakin meluas melalui platform media sosial.
  - Berita negatif atau gambar yang tidak tepat sering digunakan untuk menggambarkan Islam dalam bentuk yang menyimpang, terutamanya yang berkaitan dengan keganasan atau penindasan terhadap wanita, yang menyebabkan kebingungan dan prasangka buruk.
3. Tindakan mencemarkan Islam
  - Terdapat golongan yang menyatakan Islam sering kali mengamalkan tindakan keganasan yang memberi gambaran buruk terhadap agama Islam.
  - Pemahaman yang salah mengenai jihad dan penggunaan kekerasan dalam menyebarkan ideologi menyebabkan persepsi Islam adalah agama yang berunsurkan keganasan.
4. Kurang hubungan sesi dialog antara agama
  - Kurang dialog antara umat Islam dan penganut agama lain menyebabkan mereka tidak memahami ajaran dan amalan Islam yang sebenarnya.
  - Kurangnya peluang untuk berbincang secara terbuka dan saling memahami antara agama yang berbeza.

# LANGKAH MENGATASI SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

Antara langkah-langkah mengatasi salah faham terhadap Islam adalah:

1. Pendidikan yang berterusan dan mendalam
  - Pendidikan Islam yang mendalam perlu diberi penekanan dalam sistem pendidikan untuk membetulkan salah faham yang ada.
  - Menyediakan modul yang menjelaskan nilai Islam seperti keadilan dan hak asasi manusia serta perdamaian boleh membantu melawan prasangka buruk terhadap Islam.
2. Menggunakan media untuk pendidikan dan dakwah
  - Media sosial dan platform digital boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan maklumat mengenai Islam.
  - Pendakwah boleh menggunakan media sosial untuk mengatasi masalah salah faham dengan menjelaskan prinsip Islam yang sebenarnya dan mengubah fahaman yang negatif terhadap Islam.
3. Sesi dialog antara agama
  - Meningkatkan sesi dialog antara agama sebagai langkah penting dalam mengatasi salah faham terhadap Islam.
  - Menyediakan ruang untuk berbincang dan bertukar pendapat secara terbuka bagi membolehkan pemahaman yang lebih jelas mengenai ajaran Islam.
4. Kedudukan wanita dalam Islam
  - Menjelaskan hak wanita dalam Islam, seperti hak untuk mendapatkan pendidikan, bekerja, dan terlibat dalam kegiatan sosial, boleh membantu mengubah pandangan negatif terhadap kedudukan mereka dalam agama ini.
  - Mempamerkan contoh wanita Islam yang berjaya dalam pelbagai bidang dan menjelaskan mengenai peranan wanita berhijab dalam Islam.
5. Mempamerkan akhlak umat Islam dalam masyarakat
  - Umat Islam perlu menunjukkan akhlak yang terbaik dalam masyarakat untuk dijadikan contoh yang terbaik dalam ajaran Islam.
  - Menerapkan nilai Islam seperti keadilan, kedamaian, dan kasih sayang kepada sesama manusia agar dapat merapatkan jurang antara muslim dan bukan muslim.

# 4.6 RADIKALISME DAN EKSTREMISME

4.4.1 Definisi Radikalisme dan Ekstremisme

4.4.2 Punca-punca Radikalisme dan Ekstremisme

4.4.3 Langkah Mengatasi Radikalisme dan Ekstremisme



# RADIKALISME

## Definisi Radikalisme:

Radikalisme ialah suatu fahaman, sikap atau tindakan yang ingin melakukan perubahan secara menyeluruh dan drastik terhadap sistem sedia ada terutama dalam bidang agama, politik, sosial dan budaya. Golongan radikal biasanya menolak cara perubahan berperingkat dan memilih pendekatan yang lebih keras dan tegas.

Radikalisme adalah satu ideologi yang mendukung perubahan sosial atau politik secara drastik dan menyeluruh yang selalu menolak sistem atau norma yang sedia ada.

## Ciri-ciri fahaman radikalisme:

1. Ingin mencapai perubahan cepat.
2. Tidak percaya kepada sistem sedia ada.
3. Menggunakan pendekatan tegas dan agresif.
4. Boleh berlaku dalam bentuk aman dan ganas.

## Contoh:

- Dalam agama : Menganggap hanya satu fahaman sahaja yang benar dan menolak amalan atau pandangan daripada mazhab lain.
- Dalam politik : Menolak sistem demokrasi dan mahu digantikan dengan sistem revolusi.

# EKSTREMISME

Definisi Ekstremisme:

Ekstremisme ialah satu fahaman atau tindakan yang melampaui batas, tiada tolak ansur, dan bertentangan dengan nilai atau norma yang diterima oleh masyarakat khususnya dalam mencapai matlamat

Fahaman yang mempunyai pegangan atau tindakan yang sangat melampau dalam sesuatu hal seperti fahaman politik, yang menolak pandangan berbeza dan sanggup menggunakan kekerasan, paksaan, atau ancaman untuk mencapai tujuan.

Ciri-ciri fahaman ekstremisme:

1. Bersifat keras, melampau dan tidak bertolak ansur.
2. Menolak kepelbagaian pandangan dan amalan.
3. Sering berkait dengan keganasan atau tindakan radikal yang berbahaya.
4. Boleh berlaku dalam agama, politik, perkauman, dan lain-lain aspek kehidupan.

Contoh:

- Menganggap orang lain yang tidak sependapat sebagai musuh dan mesti dimusnahkan.
- Melakukan serangan atau ugutan atas nama agama atau ideologi.

# PUNCA-PUNCA RADIKALISME DAN EKSTREMISME

## 1. Salah faham hukum agama

- Salah faham dan penafsiran yang melampau terhadap ajaran agama Islam sering digunakan oleh golongan radikal untuk membenarkan tindakan kekerasan.
- Konsep jihad dalam Islam adalah usaha ke jalan Allah melalui cara yang betul disalah tafsirkan untuk mewajarkan keganasan.
- Memilih untuk menafsirkan teks agama secara sempit, tanpa mengambil kira konteks yang sebenar

## 2. Kemiskinan dan ketidakadilan sosial

- Keadaan ekonomi yang teruk dan ketidakadilan sosial sering menyebabkan rasa tidak puas hati dan kemudiannya dimanipulasi oleh pihak radikal untuk menarik individu menyertai perjuangan mereka.
- Golongan yang terpinggir akibat kekurangan pekerjaan dan pendidikan sering kali menjadi sasaran kumpulan ekstremis, untuk mengambil kesempatan.

## 3. Pengaruh media sosial dan propaganda

- Media sosial berperanan dalam menyebarkan ideologi radikal. Platform seperti Facebook, Twitter, dan YouTube menjadikan golongan ekstremis mudah menyebarkan propaganda,
- Golongan ini memanfaatkan media sosial dengan menyebarkan fahaman yang membangkitkan kemarahan dan kebencian terhadap pihak tertentu, terutamanya terhadap dunia barat yang dianggap tidak sehaluan dengan mereka.

#### 4. Konflik politik dan sosial di dunia Islam

- Ketegangan politik, peperangan, dan ketidakstabilan di negara Islam seperti di Palestin, Syria, Iraq dan Yaman, telah mewujudkan ruang radikalisme
- Golongan ekstremisme muncul dengan menggunakan ketidakpuasan hati penduduk terhadap pemerintah tempatan sebagai alasan untuk menyerang pihak tertentu.

#### 5. Pengaruh ideologi pemimpin ekstremis

- Pemimpin yang berideologi ekstrem menggunakan pengaruh mereka untuk membimbing pengikut kepada fahaman yang salah.

## IMPAK RADIKALISME DAN EKSTREMISME

1. Wujud keganasan dan kekacauan

2. Salah faham terhadap Islam

3. Perpecahan dalam masyarakat

4. Ketidakstabilan politik dan sosial



# LANGKAH MENGATASI RADIKALISME DAN EKSTREMISME

Berikut adalah langkah-langkah mengatasi fahaman radikalisme dan ekstremisme :

1. Meningkatkan pendidikan agama
2. Meningkatkan pendidikan penggunaan media sosial
3. Penguatkuasaan undang-undang
4. Membudayakan amalan baik dalam komuniti
5. Mengadakan sesi dialog perbezaan agama
6. Memberi sokongan kaunseling & psikologi
7. Mengadakan pendekatan dakwah yang meluas

Radikalisme dan ekstremisme merupakan isu besar yang memberi impak kepada masyarakat global pada masa kini, dengan penekanan kepada pemikiran dan tindakan yang melampaui batas, baik dalam aspek agama, politik dan sosial.

Penyelesaian jangka panjang tidak bergantung kepada tindakan ketenteraan atau penguatkuasaan undang-undang sahaja, tetapi juga kepada pendidikan yang betul, pembangunan sosial, dan pemahaman agama yang sahih.

Dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak seperti pemimpin kerajaan, masyarakat dan pemimpin agama radikalisme dan ekstremisme dapat diatasi untuk membina masyarakat yang lebih aman, sejahtera, dan inklusif.



# 4.7 DIALOG PERADABAN

- 4.7.1 Pengenalan Dialog Peradaban
- 4.7.2 Ciri-ciri Peradaban Islam
- 4.7.2 Cabaran Isu Dialog Peradaban
- 4.7.3 Matlamat Peradaban Islam

## DIALOG PERADABAN

Dialog peradaban ialah proses interaksi antara pelbagai golongan yang melibatkan fahaman agama, adat dan budaya.

Tujuan dialog adalah untuk meningkatkan pemahaman, tentang sesuatu perkara dengan menghormati perbezaan dan mewujudkan kesejahteraan dalam hubungan bersama.

Dialog peradaban menjadi sangat penting dalam mengatasi masalah bagi mengelakkan ketegangan antara satu sama lain seperti dalam urusan tadbir pemerintahan dan isu perbezaan pandangan dari segi agama.

Cabaran pelaksanaan dialog memerlukan pendekatan yang bijaksana dan terkoordinasi.

## KONSEP PERADABAN ISLAM

Peradaban dalam konteks Islam adalah berdasarkan tamadun yang bertahap kemajuan sesuatu masyarakat yang dicapai melalui pembangunan mental, fizikal dan intelektual.

Dalam pengertian yang lebih luas, peradaban merangkumi keseluruhan cara hidup manusia, termasuk agama, ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan hubungan sosial. Tinggi atau rendahnya peradaban suatu bangsa sangat dipengaruhi oleh faktor pendidikan dan kemajuan teknologi.

Kesatuan dan kesepaduan masyarakat dapat dicapai dengan adanya nilai peradaban yang tinggi dalam kehidupan seharian.

Dalam Islam, konsep peradaban berpaksikan kepada hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia serta hubungan manusia dengan alam. Ini menjadikan peradaban Islam berbeza dengan peradaban lain kerana ia bertunjangkan kepada prinsip keimanan dan akhlak yang mulia.

# CIRI-CIRI PERADABAN

1. Berasaskan tauhid
  - Peradaban Islam berasaskan kepada keesaan Allah SWT sebagai teras kepada semua aspek kehidupan. Konsep tauhid menjadi panduan kepada setiap individu yang merupakan kerangka dalam membentuk suasana hidup yang lebih sejahtera dari segi sosial, politik, dan ekonomi.
2. Holistik dan seimbang
  - Peradaban Islam merangkumi keseimbangan antara aspek duniawi dan ukhrawi. Ia tidak hanya menumpukan kepada kemajuan material tetapi juga kepada pertumbuhan spiritual dan moral.
3. Menitikberatkan ilmu pengetahuan
  - Islam menggalakkan pencarian ilmu sebagai asas kepada kemajuan. Peradaban Islam melahirkan ramai ilmuwan yang memberi sumbangan besar kepada kemajuan sains dan teknologi,
  - Ilmu pengetahuan dalam Islam menekankan unsur kerohanian jiwa manusia.
4. Mengutamakan konsep keadilan
  - Keadilan adalah prinsip utama dalam peradaban Islam, sama ada dalam hubungan sosial, ekonomi dan politik. Ia melindungi hak setiap individu.
5. Memelihara alam sekitar
  - Islam memelihara alam sebagai amanah Allah kepada manusia. Peradaban Islam menekankan tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara alam sebagai sebahagian daripada ibadah kepada Allah SWT.

# CABARAN ISU DIALOG PERADABAN



# MATLAMAT PERADABAN ISLAM

1. Mencapai matlamat maqasid syariah
  - Peradaban Islam bertujuan untuk mencapai maqasid syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.
2. Membentuk masyarakat berakhlak mulia
  - Pembangunan akhlak menjadi keutamaan dalam peradaban Islam kerana ia menjadi asas kepada kesejahteraan individu dan masyarakat.
3. Mewujudkan kesejahteraan sejagat
  - Manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk menjamin kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.
  - Islam menekankan kehidupan yang seimbang sama ada dari segi material dan spiritual agar manusia dapat mencapai kebahagiaan yang sebenar.

Dialog peradaban merupakan satu saluran yang penting dalam mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dunia walaupun terdapat pelbagai cabaran yang menghalang pelaksanaannya.

Dialog peradaban penting ke arah mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni dalam kepelbagaian ragam namun masing dapat memelihara prinsip dan nilai peradaban masing-masing. Bagi memastikan kehidupan masyarakat lebih kepada nilai persefahaman, toleransi, hormat menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain maka dalam lingkungan institusi islamiah tataranya.

Dengan pendekatan yang lebih berfokuskan menghormati perbezaan, dan memanfaatkan teknologi serta platform media sosial secara positif mampu mencapai suasana hidup yang lebih harmoni.



# RUTUKAN

- Ahmad Muhammad Husni & Amin Muhammad Husni. (2022). Qisas dalam syariah islamiah antara pengakuan dan pembatalan. *Journal of Education and Social Sciences*, 19(1), 15-22.
- Ahmad Shukri Mohd Naim & Rosman Md. Yusoff (2003). *Konsep teori, dimensi dan isu pembangunan*. Johor: Penerbit UTM.
- Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin, Yusuf Abdul Azeez & Shahrel Ahmad Shuhel Ahmad. (2016) Dialog peradaban dan falsafah pendidikan: Implimentasi dalam kurikulum dan kokurikulum subjek umum Fakulti Tamadun Islam UTM. *Sains Humanika*, 8(3-2), 1-11.
- Arwansyah Kirin. (2024). Tahap keruntuhan akhlak remaja: Kajian kes UTHM Pagoh. *Human Sustainable Procedia*, 35-45.
- Azhar Abd Aziz, Baterah Alias & Fatimah Salleh. (2006). *Undang-undang keluarga Islam*. Selangor: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Dato' Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya hidup bersyariat: Modul fardhu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dr. Juanda Jaya. (2008). *Suami Mithali Isteri Sejati*. Shah Alam: Buku Prima
- Dr. Muhammad Hasan Asy-Syarqawi. (1994). *Manhaj ilmiah islami*. Jakarta: Gema Insani Press
- Fathiyah Mohd Fakhrudin. *Tasawwur Islam: Penghayatan dalam kehidupan*. Capaian daripada [https://educ.upm.edu.my/upload/dokumen/menul320210324110745test\\_2.pdf](https://educ.upm.edu.my/upload/dokumen/menul320210324110745test_2.pdf)
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-580: *Hukum normalisasi dosa*. Capaian daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4836-irsyad-al-fatwa-siri-ke-580-hukum-normalisasi-dosa>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maszlee Malik. (2019). *Asas tadbir urus Islam: Foundations of Islamic governance*. Kuala Lumpur: Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohammad Amir Wan Harun, Jasni Sulong & Atikullah Abdullah. (2024). *Fiqh perkahwinan dan kekeluargaan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Rahimi Ramli, Muhammad Shamsinor Abdul Azzis & Noor Ain Mat Noor. (2024). *Penghayatan etika dan peradaban*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Muzayyanah Abdullah. (2011). *Mudahnya berkahwin dalam Islam*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

# RUTUKAN

- Nor Anita Abdullah. (2016, October 5-6). *Radikalisme dan ekstremisme sebagai pencetus agen pembudayaan penganasan di kalangan belia: Perspektif undang-undang jenayah*. Dalam *International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Ciri-ciri wanita solehah dan kelebihanannya*. Capaian daripada <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3270-al-kafi-1192-ciri-ciri-wanita-solehah-dan-kelebihannya>
- Perkara haram dalam perniagaan*. Capaian daripada <https://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/154-perkara-haram-dalam-perniagaan>
- Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (n.d). Akta undang-undang keluarga Islam (Wilayah Persekutuan). Capaian daripada [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20Undang-Undang%20Keluarga%20Islam%20\(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan\)%201984%20\(Akta%20303\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20Undang-Undang%20Keluarga%20Islam%20(Wilayah-Wilayah%20Persekutuan)%201984%20(Akta%20303).pdf)
- Suhaida Abu Bakar, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher & Siti Aisyah Yusof. (2021). *Asas kefahaman Islam dalam realiti semasa*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Kedah. Capaian daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/56073/1/56073.pdf>
- Sulaiman Endut. (2007). *Asas-asas fardu ain*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh & Ahmad Syukran Baharuddin. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 26(2), 47-61.
- Wan Norina Wan Hamat, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Norhaslina Sulaiman & Ammar Badruddin Romli. (2023). Buku pengajian Islam siri politeknik. Shah Alam, Selangor: Penerbit Ehsan (M) Sdn. Bhd.
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. (2024). *Hudud*. Capaian daripada <https://ms.wikipedia.org/wiki/Hudud>
- Zaini Nasohah et.al., (2004), *Syariah dan undang-undang: Suatu perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Zaini Ujang. (2009). *Minda lestari: Pembangunan negara dan pemulihan alam sekitar*. Penerbit UTM Press



PENGAJIAN ISLAM

eISBN 978-629-7966-00-7



(online)